



**SPP**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

# LAPORAN TAHUNAN

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

# 2018







SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

# LAPORAN TAHUNAN

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

# 2018





## ISI KANDUNGAN

- 6** Perutusan Pengerusi
- 10** Pena Setiausaha
- 14** Ringkasan Eksekutif
- 16** Latar Belakang
- 20** Ahli SPP
- 24** Urus Setia SPP
  - Carta Organisasi
  - Perjawatan Urus Setia SPP
  - Fungsi Bahagian
- 32** Urusan Pengambilan
- 40** Urusan Perkhidmatan
- 46** Urusan Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tatatertib
- 50** Pengurusan Maklumat
- 56** Urus Setia Cawangan Sabah
- 60** Urus Setia Cawangan Sarawak
- 64** Prestasi Kewangan
- 66** Mesyuarat Suruhanjaya
- 68** Aktiviti dan Pencapaian Utama Sepanjang Tahun 2018
- 78** Diari 2018
- 94** Liputan Media
- 100** Pengiktirafan
- 104** Sekalung Penghargaan
- 106** Glosari
- 108** Lagu SPP





*Perutusan*  
PENGGERUSI

# Perutusan PENGGERUSI

Perkongsian maklumat mengenai urusan pengambilan dan perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan dengan negara-negara luar ini dapat membantu SPP menambah baik dan mempertingkatkan sistem pemilihan guru sedia ada”

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Selamat Sejahtera**

*Alhamdulillah* terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas penerbitan Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) bagi tahun 2018. Penerbitan ini diharapkan dapat menjadi medium saluran perkongsian maklumat dan sumber rujukan kepada warga SPP sendiri khususnya dan juga Jabatan/Agensi Kerajaan yang lain dalam memperoleh manfaat maklumat berkaitan fungsi yang dijalankan sebagai Pihak Berkuasa Melantik sepanjang tahun 2018.

Pada tahun 2018 urusan pengambilan bagi Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) juga telah dibekukan kerana negara sedang melalui proses peralihan kuasa. Walau bagaimanapun, SPP telah komited dalam memperkasa dan mempertingkatkan urusan-urusan perkhidmatan yang melibatkan APP dengan penganjuran Program Bersepadu SPP, iaitu satu Program 'turun padang' yang telah ditambah baik daripada program pertama yang dilaksanakan pada tahun 2017. Di sepanjang tahun 2018, Program Bersepadu SPP telah diadakan sebanyak enam (6) siri, yang menghimpunkan beberapa program seperti Lawatan Penandaarasan Sistem Pengambilan Guru, Program Bual Bicara serta sesi konsultasi urusan-urusan perkhidmatan dan kawalan tatatertib bersama warga pendidik dari Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah di seluruh negara.

Pada tahun 2018 juga, SPP telah melaksanakan Program Penandaarasan Sistem Pengambilan Guru di Luar Negara yang merupakan program berimpak tinggi di mana objektif utama adalah untuk berkongsi maklumat dan membuat pemerhatian ke atas sistem pemilihan guru yang dilaksanakan di negara jiran

bagi memperoleh perspektif baharu bertujuan menambah baik dan mempertingkatkan sistem pemilihan guru sedia ada. Bagi memenuhi tujuan tersebut, SPP telah melawat dua (2) buah negara iaitu Australia dan Brunei Darussalam. Melalui lawatan tersebut, SPP turut berpeluang mengeratkan hubungan kerjasama yang sedia terjalin dengan dua (2) negara tersebut, khususnya dalam urusan pengambilan anggota baharu dan urusan perkhidmatan dalam sektor pendidikan.

Akhir kata, saya bagi pihak Ahli Suruhanjaya yang lain turut ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Urus Setia SPP yang telah merancang dan melaksanakan segala urusan serta fungsi SPP ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan dengan begitu cekap dan berkesan sekali. Kerjasama yang baik di kalangan Urus Setia SPP dan Ahli Suruhanjaya hendaklah dikekalkan bagi memastikan SPP sebagai Pihak Berkuasa Melantik dalam sektor pendidikan berjaya melunaskan tugasnya melantik APP yang terbaik di kalangan yang terbaik bagi menyediakan Perkhidmatan Pendidikan yang cemerlang kepada nusa dan bangsa.

Sekian, terima kasih.



**TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF**  
Pengerusi  
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran





*Pena*  
SETIAUSAHA

# *Pena* SETIAUSAHA

SPP sentiasa komited untuk mempertingkatkan keupayaan sistem penyampaian dari semasa ke semasa dalam mengharungi cabaran demi memenuhi kehendak dan aspirasi pelanggan"

**Bismillahirrahmanirrahim**  
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera**

*Alhamdulillah* dengan komitmen yang tinggi dan usaha secara berterusan Warga Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) akhirnya Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Tahun 2018 berjaya diterbitkan. Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran kali ini bukan sahaja merekodkan urusan-urusan yang dilaksanakan di bawah fungsi SPP seperti pengambilan, perkhidmatan dan kawalan tatatertib Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) malah program mahupun aktiviti yang dilaksanakan oleh SPP sepanjang tahun 2018. Keseluruhan kandungan Laporan ini merupakan manifestasi SPP ke arah menjadi suatu Pihak Berkuasa Melantik yang berwibawa serta bertanggungjawab dalam menjalankan fungsi yang ditetapkan mengikut Perlembagaan Persekutuan. Bagi orang awam dan pelanggan, melalui Laporan ini mereka dapat mengetahui pelbagai perkara mengenai SPP dari segi struktur organisasi, visi dan misi, piagam pelanggan, pelan strategik dan seterusnya program dan aktiviti yang dilaksanakan sepertimana Sasaran Kerja Tahunan ditetapkan.

Sepanjang Tahun 2018, SPP telah menerima sebanyak 148,360 permohonan calon pelbagai peringkat sama ada lepasan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Vokasional Malaysia (SVM), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran (STPM) serta graduan Diploma, Ijazah, Sarjana dan Doktor Falsafah yang memohon tiga (3) jawatan di SPP iaitu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP). Dari jumlah tersebut, 5,720 calon telah dipanggil temu duga dan hanya 3,624 calon berjaya dan dilantik secara tetap bagi mengisi jawatan APP di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pengurangan bilangan pengambilan tahun ini disebabkan dasar pembekuan pengisian secara sementara oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan urusan pengambilan AKP yang terpaksa dilaksanakan pada awal tahun 2019 berikutan kelulusan pengisian diperolehi pada akhir tahun 2018.

Selain urusan pengambilan, SPP juga melaksanakan urusan perkhidmatan bagi APP yang baharu dilantik dan tindakan tatatertib ke atas APP yang dilaporkan oleh KPM. Bagi urusan perkhidmatan, seramai 6,206 pegawai telah diluluskan Pengesahan Pelantikan Tetap, 16,853 pegawai telah diluluskan Pengesahan Dalam Perkhidmatan dan 10,878 diluluskan Pemberian Taraf Berpencen sepanjang tahun 2018. Manakala bagi kes tatatertib, Suruhanjaya telah memutuskan 79 kes tatatertib dan menimbang 161 kes rayuan tatatertib. Begitu juga pada tahun 2018, SPP telah

mengadakan sebanyak 24 kali Mesyuarat Suruhanjaya, 24 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib dan 11 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat sepertimana ditetapkan dalam Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran 2007. Sebanyak 557 kertas Suruhanjaya telah dibentangkan dalam ketiga-tiga mesyuarat berkenaan.

Sepanjang tahun 2018, SPP juga melaksanakan beberapa program dan aktiviti yang bukan sahaja meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan yang diberikan bahkan mendekati Suruhanjaya dengan pelanggan melalui program turun padang (TUPA). Antaranya penguatkuasaan sepenuhnya penggunaan sistem Proses Perkhidmatan (Sistem ePROPER) mulai 1 Ogos 2018, di mana semua Ketua Jabatan di KPM perlu mengemukakan urusan perkhidmatan kepada SPP secara dalam talian. Program mendekati pelanggan seperti Program Bual Bicara Bersama Warga Pendidik dan Program Konsultansi Perkhidmatan dan Tatatertib di empat (4) lokasi iaitu Johor Bharu, Wilayah Persekutuan Labuan, Sarawak dan Pahang serta Program Jelajah Jabatan Pendidikan Negeri. Pada tahun ini juga SPP telah dianugerahkan Sijil Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 dan Pensijilan *Information Security Management System* (ISMS) versi MS ISO/IEC 27001:2013. Melalui anugerah ini, jelas menunjukkan komitmen SPP dalam membudayakan sistem pengurusan kualiti dan sistem jaminan keselamatan ICT bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada stakeholders dan pelanggan SPP mengikut piawai yang ditetapkan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga SPP yang telah meletakkan sepenuh komitmen terhadap amanah yang dipertanggungjawabkan sepanjang tahun 2018 dan diharapkan momentum ini dikekalkan pada tahun yang mendatang.

Sekian, terima kasih.



**DATUK ABU BAKAR BIN IDRIS**

Setiausaha  
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran





*Ringkasan*  
EKSEKUTIF

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Tahunan ini disediakan berdasarkan Fasal 1 Perkara 146 Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki SPP menyediakan satu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan salinannya dibentangkan di Parlimen.

SPP telah ditubuhkan pada 1 Januari 1974 di bawah Fasal 1 Perkara 141A Perlembagaan Persekutuan. Penubuhannya ialah hasil daripada syor yang dikemukakan oleh Suruhanjaya di-Raja Aziz untuk bertindak sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM) bagi Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP).

SPP menjalankan fungsinya mengikut Fasal 1 Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan yang melaksanakan pelbagai urusan yang melibatkan APP seperti pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, kemasukan ke dalam perjawatan tetap atau berpencen, kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib.

Sepanjang tahun 2018, SPP telah mengendalikan urusan pelantikan, perkhidmatan, kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib seperti berikut:

URUSAN PELANTIKAN	BILANGAN
PERMOHONAN	148,360
TEMU DUGA	5,720
TAWARAN PELANTIKAN	3,624
PENGESAHAN PELANTIKAN	6,206
URUSAN PERKHIDMATAN	
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	16,853
PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN	3,326
PEMBERIAN TARAF BERPENECEN	10,878
PELANTIKAN SECARA KONTRAK	327

PERTUKARAN SEMENTARA	167
PEMINJAMAN PEGAWAI	33
URUSAN KENAIKAN PANGKAT DAN KAWALAN TATATERTIB	
RAYUAN NAIK PANGKAT	14
KES TATATERTIB	79
HUKUMAN TATATERTIB	74
RAYUAN TATATERTIB	161

Bagi urusan mesyuarat, Mesyuarat Suruhanjaya telah diadakan sebanyak 24 kali, Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib sebanyak 24 kali dan Mesyuarat Lembaga Rayuan Naik Pangkat sebanyak 11 kali bagi tahun 2018.

Bilangan kertas yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Suruhanjaya adalah seperti berikut:

MESYUARAT SURUHANJAYA	BILANGAN
KERTAS PENGAMBILAN	180
KERTAS PERKHIDMATAN	82
KERTAS TATATERTIB	124
KERTAS DASAR	1
MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB	
KERTAS RAYUAN TATATERTIB	161
MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN NAIK PANGKAT	
KERTAS RAYUAN NAIK PANGKAT	9

Bagi tahun 2018, SPP telah diperuntukkan sebanyak RM22,203,100.00 bagi perbelanjaan pengurusan yang terdiri dari RM16,803,100.00 untuk belanja mengurus Urus Setia dan sejumlah RM5,400,000.00 untuk pengurusan Ahli Suruhanjaya. Keseluruhan perbelanjaan pada akhir tahun berjumlah RM20,543,223.61 iaitu 92.52% dari jumlah yang diperuntukkan.



*Latar*  
BELAKANG

## PENUBUHAN DAN KEANGGOTAAN

SPP ditubuhkan mengikut Perkara 141A (1) Perlembagaan Persekutuan berkuat kuasa mulai 1 Januari 1974. Keanggotaan SPP terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan sebelas orang Ahli Suruhanjaya.



### PENURUNAN KUASA

#### FASAL 5B PERKARA 144 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Semua kuasa dan tugas SPP kecuali kuasa pelantikan pertama bagi perjawatan tetap atau berpencen boleh dijalankan oleh Lembaga yang dilantik oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dengan perbekalan ini, Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat dan Lembaga-lembaga Tatatertib telah

ditubuhkan bagi menjalankan tugas-tugas menaikkan pangkat dan mengawal tatatertib yang tertentu. Dengan penubuhan Lembaga-lembaga yang tersebut, maka SPP tidak menjalankan tugas-tugas bagi menaikkan pangkat kecuali untuk kenaikan pangkat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) dan beberapa tugas mengawal tatatertib yang tertentu.

### KAEDAH-KAEDAH SURUHANJAYA

#### FASAL 8 PERKARA 144 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

SPP boleh membuat kaedah-kaedah bagi mengatur acaranya dan menetapkan bilangan anggotanya untuk menjadikan kuorum. Kaedah-kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (Pindaan) 2009 dikuatkuasakan melalui P.U.(A) 321 bertarikh 3 September 2009.

### LAPORAN TAHUNAN DI BAWAH FASAL 1 PERKARA 146

SPP hendaklah menyediakan suatu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan laporan dibentangkan di Parlimen.

### KOD ETIKA





## PIAGAM PELANGGAN

SPP berikrar akan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan cekap, adil dan saksama. SPP komited untuk mencapai Piagam Pelanggan di **Jadual 1** tercapai.

**Jadual 1: Piagam Pelanggan**

URUSAN	PIAGAM
Pengambilan	
(i) PPP dan PPPT	(i) Diselesaikan tidak lewat lapan <b>(8) minggu</b> dari tarikh permohonan lengkap diterima daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
(ii) AKP	(ii) Diselesaikan tidak lewat <b>10 minggu</b> dari tarikh permohonan lengkap diterima daripada KPM.
Perkhidmatan	Keputusan urusan Pelanjutan Tempoh Percubaan (PTP) / Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP) / Pemberian Taraf Berpencen (PTB) akan dikeluarkan dalam tempoh <b>enam (6) minggu</b> daripada tarikh perakuan lengkap diterima.
Tatatertib	(i) Surat Keputusan Suruhanjaya dikeluarkan kepada pegawai bagi urusan tindakan tatatertib am tidak lewat dari tempoh <b>12 minggu</b> setelah representasi dan ulasan Ketua Jabatan lengkap diterima; dan (ii) Surat Keputusan Suruhanjaya dikeluarkan kepada pegawai bagi urusan rayuan tatatertib dan rayuan naik pangkat tidak lewat dari tempoh <b>lapan (8) minggu</b> setelah surat rayuan dan dokumen lain lengkap diterima.
Khidmat Pengurusan	(i) Makluman akuan penerimaan aduan dilaksanakan dalam tempoh <b>satu (1) hari</b> bekerja; (ii) Maklum balas aduan akan diberikan dalam tempoh <b>lima (5) hari</b> bekerja; dan (iii) Pembayaran bil diselesaikan tidak lewat <b>14 hari</b> daripada tarikh permohonan lengkap diterima.

# LOKASI

## SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

01



### SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN (IBU PEJABAT PUTRAJAYA)

Aras 1-4, Blok B3  
Kompleks Jabatan Perdana Menteri  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62526 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000  
Faks: 03-8871 7499

02



### SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN URUS SETIA CAWANGAN SABAH

Aras 1, Blok A  
Kompleks Pentadbiran  
Kerajaan Persekutuan Sabah  
Peti Surat 11359, Jalan UMS-Likas  
88450 Kota Kinabalu, Sabah  
Tel: 088-488 521/522/523/524  
Faks: 088-487 257

03



### SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN URUS SETIA CAWANGAN SARAWAK

Aras 3 & 4, Bangunan Lee Onn  
Lot 1546, Blok 17, KCLD  
Jalan Lapangan Terbang  
93250 Kuching, Sarawak  
Tel: 082-537 000  
Faks: 082-537 027



*Ahli*  
SURUHANJAYA

SPP diperuntukkan seramai tiga belas Ahli Suruhanjaya (ASJ) yang terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan sebelas ahli yang lain. Ahli Suruhanjaya dilantik oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong selepas mendapat nasihat Perdana Menteri dan Persetujuan Majlis Raja-Raja. Pada tahun 2018, Suruhanjaya dianggotai oleh:

YBHG. TAN SRI DR. KHAIR  
BIN MOHAMAD YUSOF  
**Pengerusi**

YBHG. TAN SRI AHMAD  
PHESAL BIN TALIB  
**Timbalan Pengerusi**

YBHG. DATO' MISRAH  
BIN HAJI IBRAHIM

YBHG. DATO' HAJI SUFA'AT  
BIN TUMIN

YBHG. DATO'  
DR. LEE BOON HUA

YBRS. DR. MASNAH  
BINTI ALI MUDA



PUAN HAJAH  
SERINA BINTI SAUNI

YBHG. DATO' S. KUMARAN

YBHG. DATO' HAJI MOHD  
SANI BIN MISTAM

YBHG. DATUK MUHIDDIN @  
MOHD ANAS BIN YUSIN

YBHG. DATUK HAJI  
MOHLIS BIN HAJI JAAFAR

ENCIK CHOY LUP BONG

YBHG. DATO' DR.  
AZMI BIN SHAPIE



*Sekalung Penghargaan  
dan Terima Kasih*

YBHG. TAN SRI DR. HAILI BIN DOLHAN

**Pengerusi  
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran**

26.11.2013 sehingga 25.11.2018





*Urus*  
SETIA SPP

Urusan pentadbiran SPP dilaksanakan oleh seorang Setiausaha bersama dua orang Timbalan Setiausaha dan sepuluh orang Setiausaha Bahagian. Secara keseluruhannya, sejumlah 247 orang pegawai dan kakitangan sedang berkhidmat di tiga buah pejabat SPP iaitu di Ibu Pejabat Putrajaya, Urus Setia Cawangan Sabah dan Urus Setia Cawangan Sarawak.

ENCIK HAZLAN BIN HASHIM  
**Setiausaha Bahagian**  
*Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib*

ENCIK MD RADZI BIN HASHIM  
**Timbalan Setiausaha**  
*(Pengambilan dan Perkhidmatan)*

ENCIK MAHPOF BIN MAHMOOD  
**Timbalan Setiausaha**  
*(Pengurusan)*

PUAN ROSMASHILAH  
 BINTI OMAR  
**Setiausaha Bahagian**  
*Bahagian Perkhidmatan*

ENCIK ROSS RAFIZAL BIN ROSLI  
**Setiausaha Bahagian**  
*Bahagian Pengambilan Guru*

YBHG. DATUK ABU BAKAR  
 BIN IDRIS  
**Setiausaha**

ENCIK WAN AHMAD BIN  
 IBRAHIM  
**Setiausaha Bahagian**  
*Bahagian Dasar dan Perancangan*



PUAN ROZILA BINTI  
MEGAT OTHMAN  
**Setiausaha Bahagian**  
*Bahagian Pengurusan Maklumat*

PUAN INTANUR SURIA BINTI WAHABI  
**Setiausaha Bahagian**  
*Urus Setia Cawangan Sarawak*

ENCIK ZAMZUL @ ROSMADI  
BIN REBBIN  
**Setiausaha Bahagian**  
*Urus Setia Cawangan Sabah*

PUAN NOR ILANAH BINTI  
ROSLAN  
**Setiausaha Bahagian**  
*Bahagian Keurusetiaan*

PUAN JURIAH BINTI JALALUS  
SHUTI  
**Setiausaha Bahagian**  
*Bahagian Khidmat Pengurusan*

ENCIK MOHAMAD FAHMI  
BIN MOHD LATIB  
**Setiausaha Bahagian**  
*Bahagian Pengambilan Guru*



## URUS SETIA SPP YANG TELAH BERTUKAR KELUAR

ENCIK SHUHARDI TURAZ RADZIK  
BIN AZNAN  
**Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengambilan Guru**  
Sehingga 10.04.2018




ENCIK CHIN WENG  
**Timbalan Setiausaha (Pengambilan dan  
Perkhidmatan)**  
Sehingga 17.02.2018



PUAN ZULIANA BINTI MOHD AKOB  
**Setiausaha Bahagian  
Bahagian Dasar dan Perancangan**  
Sehingga 25.09.2018



**CARTA ORGANISASI  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN**



## PERJAWATAN URUS SETIA SPP

KUMPULAN PERKHIDMATAN	IBU PEJABAT	CAWANGAN SABAH	CAWANGAN SARAWAK	JUMLAH
PENGURUSAN TERTINGGI	2	-	-	2
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	34	4	4	42
SOKONGAN	174	21	21	216
<b>JUMLAH</b>	<b>210</b>	<b>25</b>	<b>25</b>	<b>260</b>

## FUNGSI BAHAGIAN

### BAHAGIAN PENGAMBILAN GURU

Bertanggungjawab menguruskan pelantikan tetap bagi jawatan PPP yang meliputi:

- Menerima unjuran keperluan pengisian jawatan calon PPP mengikut keperluan opsyen dari Kementerian / Jabatan
- Menguruskan permohonan dan urusan temu duga
- Menguruskan tawaran dan pengesahan pelantikan

### BAHAGIAN PENGAMBILAN BUKAN GURU

- Menyediakan maklumat berhubung penyiaran iklan permohonan sepanjang masa bagi jawatan PPPT dan AKP
- Memproses dan mendaftarkan permohonan calon yang berkecualan mengikut skim perkhidmatan
- Menguruskan permohonan dan urusan temu duga
- Menguruskan tawaran dan pengesahan pelantikan

### BAHAGIAN PERKHIDMATAN

Melaksanakan urusan perkhidmatan bagi APP yang meliputi:

- Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP)
- Pelanjutan Tempoh Percubaan (PTP)
- Pemberian Taraf Berpencen (PTB)
- Pelantikan secara pertukaran sementara / pertukaran tetap / peminjaman
- Penamatan perkhidmatan
- Pertukaran pelantikan
- Kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu

### BAHAGIAN NAIK PANGKAT DAN TATATERTIB

- Mengendalikan urusan tatatertib am dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP / PPPT
- Mengendalikan urusan tatatertib jenayah bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP / PPPT
- Menjalankan prosedur Perintah Tahan Kerja bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP / PPPT

- Menjalankan prosedur Perintah Gantung Kerja bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP / PPPT
- Menjalankan prosedur pewartaan bagi kes tidak hadir bertugas dan tidak dapat dikesan bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP / PPPT
- Mengendalikan urusan rayuan tatatertib am bagi APP
- Mengendalikan urusan rayuan tatatertib jenayah bagi APP
- Mengendalikan urusan rayuan kenaikan pangkat APP

#### BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN

- Menyediakan Laporan Tahunan SPP
- Merangka dan memantau pelaksanaan Pelan Strategik SPP
- Menyemak dan mengemas kini dasar dan pekeliling SPP
- Menyelaras maklum balas parlimen
- Mengemukakan input yang dipohon oleh agensi Kerajaan yang lain
- Urus Setia Mesyuarat Perhubungan SPP

#### BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

- Membangun, melaksana dan memantau pelaksanaan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) SPP
- Membangun dan memantau pematuhan Dasar Keselamatan ICT (DKICT) SPP
- Membangun dan menyelenggara sistem aplikasi SPP
- Membangun dan menyelenggara Portal SPP
- Memastikan keselamatan dan kawalan ICT terjamin
- Merancang dan melaksanakan perolehan ICT
- Merancang dan melaksanakan latihan penggunaan sistem aplikasi SPP

- Merancang dan mengurus aset ICT SPP
- Menguruskan pusat data SPP
- Menyediakan khidmat bantuan teknikal berkaitan ICT

#### BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

- Menguruskan hal-ehwal perkhidmatan, pengurusan personal, pengurusan prestasi dan tatatertib
- Merancang, melaksanakan dan memantau program latihan dalaman dan luaran
- Menguruskan kewangan Jabatan
- Menguruskan aspek pentadbiran am pejabat, pengurusan aset, keselamatan, penyelenggaraan, keperluan logistik dan perhubungan awam
- Menyelaras pelaksanaan modul / submodul aplikasi HRMIS

#### BAHAGIAN KEURUSETIAAN

- Mengurus setia Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (MSJ)
- Mengurus setia Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan (MLRTT)
- Mengurus setia Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pendidikan (MLRKP)
- Mengurus setia Mesyuarat *Search Committee* Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
- Menguruskan hal ehwal Ahli Suruhanjaya

#### UNIT INTEGRITI

- Pengukuhan integriti dan tadbir urus
- Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) SPP
- Pematuhan terhadap peraturan semasa yang berkuat kuasa
- Pengesanan dan pengesahan terhadap aduan salah laku jenayah, pelanggaran tata kelakuan dan etika di SPP

- Menerima dan mengambil tindakan ke atas aduan / maklumat mengenai salah laku, pelanggaran tata kelakuan dan etika di SPP
- Urus Setia Lembaga Tatatertib SPP

### URUS SETIA CAWANGAN SABAH DAN SARAWAK

- Menubuhkan Lembaga Permulaan untuk membuat tapisan terhadap calon-calon APP yang telah mengemukakan permohonan bagi tujuan panggilan temu duga
- Menguruskan pelaksanaan temu duga bagi calon-calon APP dan memperakukan senarai calon berjaya bagi tujuan tawaran lantikan ke dalam perkhidmatan pendidikan
- Menguruskan tawaran pelantikan calon APP yang berjaya dalam temu duga
- Menyemak dan memperakukan urusan Pengesahan Pelantikan Tetap (PPT), PDP, PTB dan PTP APP serta rayuan berkaitan urusan tersebut
- Menguruskan pelantikan kontrak APP dan urusan tukar lantik bagi APP
- Menguruskan kes penamatan perkhidmatan APP
- Menguruskan hal-ehwal pentadbiran cawangan seperti berikut:
  - (i) perhubungan awam yang meliputi penganjuran program *outreach* dan pengurusan aduan
  - (ii) peningkatan kualiti, produktiviti dan keselamatan dengan mengikuti program akreditasi dan persijilan di peringkat Jabatan
  - (iii) pengurusan sumber manusia seperti penyelenggaraan rekod kehadiran dan cuti, pembangunan sumber manusia, sokongan urusan perkhidmatan dan pengemaskinian Buku Rekod Perkhidmatan
- Mengurus dan mengawal selia aktiviti kewangan cawangan seperti berikut:
  - (i) penyediaan anggaran peruntukan mengurus tahunan
  - (ii) pengurusan dan pelaporan peruntukan dan perbelanjaan yang meliputi pelaksanaan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun serta Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan
  - (iii) pematuhan ke atas prosedur dan garis panduan pengurusan kewangan Kerajaan
- Melaksanakan aktiviti pengurusan maklumat seperti berikut:
  - (i) memastikan keselamatan dan kawalan ICT serta pematuhan terhadap Dasar Keselamatan ICT (DKICT) di peringkat cawangan
  - (ii) menguruskan penyelenggaraan sistem aplikasi, *network* dan aset fizikal ICT
  - (iii) memberikan khidmat sokongan teknikal kepada pelanggan, *stakeholder* dan warga kerja yang menggunakan aplikasi perkhidmatan SPP
- Memberikan khidmat sokongan dalam urusan temu duga seperti logistik kepada Ahli Suruhanjaya, Pengerusi dan Wakil Jabatan



*Urusan*  
PENGAMBILAN

## URUSAN PENGAMBILAN

Proses pengambilan yang dilaksanakan oleh SPP bermula apabila pihak KPM atau KPT memaklumkan bilangan kekosongan jawatan yang perlu diisi sama ada jawatan PPP, PPPT atau AKP. Pengisian jawatan PPP difokuskan kepada graduan pendidikan keluaran

Universiti Awam (UA) dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Manakala pengambilan PPPT dan AKP adalah didasarkan kepada permohonan melalui *JobsMalaysia*. Senarai skim perkhidmatan yang pelantikannya diuruskan oleh SPP adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2: Senarai Skim Perkhidmatan Yang Diuruskan Oleh SPP**


JAWATAN
<b>PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>
PPP GRED DG41 / DG29
PPPT GRED DH53 / DH51 / DH47 / DH43 / DH41 / DH33 / DH31 / DH29
<b>ANGGOTA KUMPULAN PELAKSANA</b>
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) [PT(P/O)] GRED N19
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) [PT(KEW)] GRED W19
PENYELIA ASRAMA GRED N19
PEMBANTU PENGURUSAN MURID (PPM) GRED N19
PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN (PKP) GRED N19
PEMBANTU MAKMAL (PM) GRED C19
PEMBANTU OPERASI (PO) GRED N11
PEMANDU KENDERAAN GRED H11
PEMBANTU AWAM GRED H11

Secara keseluruhannya SPP menerima seramai **148,360** permohonan pengisian jawatan pada tahun 2018. Daripada jumlah tersebut, **5,720** orang calon telah dipanggil temu duga dan **3,624** orang calon telah ditawarkan pelantikan. Ringkasan urusan pelantikan mengikut skim perkhidmatan yang telah dilaksanakan

oleh SPP adalah seperti yang ditunjukkan di **Jadual 3**. Manakala perbandingan jumlah permohonan, temu duga dan tawaran pelantikan serta pecahannya mengikut skim perkhidmatan ditunjukkan di **Carta 1**.

**Jadual 3: Bilangan Permohonan, Temu Duga Dan Tawaran Pelantikan Jawatan PPP, PPPT Dan AKP Bagi Tahun 2018**

URUSAN	JAWATAN			JUMLAH
	PPP	PPPT	AKP	
PERMOHONAN	28,401	24,366	95,593	<b>148,360</b>
TEMU DUGA	5,549	170	1	<b>5,720</b>
TAWARAN PELANTIKAN	3,115	102	407	<b>3,624</b>

**Carta 1: Perbandingan Urusan Pelantikan Mengikut Kategori / Skim Perkhidmatan Bagi Tahun 2018**


### URUSAN PELANTIKAN TETAP PPP

Urusan pengambilan PPP bagi tahun 2018 merangkumi calon seperti berikut:

- (i) Graduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) daripada IPGM
- (ii) Graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) daripada UA
- (iii) Graduan Program *Teach For Malaysia* (TFM)
- (iv) Graduan Program PERMATA Pintar dan PERMATA Kurnia
- (v) Graduan Calon Interim Sabah dan Sarawak
- (vi) Graduan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)
- (vii) Graduan Program Pelajar Cemerlang (PPC)
- (viii) Graduan Program Kembar Pra-Perkhidmatan (PKP)
- (ix) Graduan Program Latihan Perguruan Peringkat Ijazah Pertama (PLPPIP)
- (x) Graduan Skim Latihan Tenaga Pengajar Program Matrikulasi (SLTPPM)
- (xi) Graduan Sekolah Seni Malaysia (SSM)

Perangkaan urusan pengambilan PPP mengikut gred jawatan adalah seperti di **Jadual 4**.

**Jadual 4: Urusan Pelantikan Tetap PPP Bagi Tahun 2018**

WILAYAH	URUSAN	PERMOHONAN	TEMU DUGA	TAWARAN PELANTIKAN
<b>PPP DG41</b>				
SEMENANJUNG		17,360	4,433	2,077
SABAH		1,921	606	447
SARAWAK		517	446	541
<b>JUMLAH</b>		<b>19,798</b>	<b>5,485</b>	<b>3,065</b>
<b>PPP DG29</b>				
SEMENANJUNG		7,545	50	48
SABAH		711	2	2
SARAWAK		347	12	-
<b>JUMLAH</b>		<b>8,603</b>	<b>64</b>	<b>50</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>28,401</b>	<b>5,549</b>	<b>3,115</b>

#### URUSAN PELANTIKAN TETAP PPPT

Urusan pengambilan PPPT bagi tahun 2018 melibatkan calon daripada pasaran terbuka dan perangkaan urusan pengambilan PPPT adalah seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 5: Urusan Pelantikan Tetap PPPT Bagi Tahun 2018 (Pasaran Terbuka)**

WILAYAH	URUSAN	PERMOHONAN	TEMU DUGA	TAWARAN PELANTIKAN
<b>PPPT DH41</b>				
SEMENANJUNG		4,065	-	64
SABAH		1,216	154	21
SARAWAK		412	16	16
<b>JUMLAH</b>		<b>5,693</b>	<b>170</b>	<b>101</b>

(bersambung...)

(...sambung)

WILAYAH \ URUSAN	PERMOHONAN	TEMU DUGA	TAWARAN PELANTIKAN
<b>PPPT DH29</b>			
SEMENANJUNG	2,749	-	1
SABAH	703	-	-
SARAWAK	292	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>3,744</b>	<b>-</b>	<b>1</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>9,437</b>	<b>170</b>	<b>102</b>

### URUSAN PELANTIKAN TETAP AKP

SPP melaksanakan iklan pengambilan sepanjang masa bagi pengisian jawatan AKP melalui Portal *JobsMalaysia*. Kelayakan masuk ke jawatan AKP adalah di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia

(SPM) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Perangkaan pengambilan AKP bagi tahun 2018 adalah seperti di **Jadual 6**.

**Jadual 6: Urusan Pelantikan Tetap AKP Bagi Tahun 2018**

WILAYAH \ URUSAN	PERMOHONAN	TEMU DUGA	TAWARAN PELANTIKAN
<b>PT (PO) N19</b>			
SEMENANJUNG	20,565	-	-
SABAH	3,089	-	-
SARAWAK	3,156	1	1
<b>JUMLAH</b>	<b>26,810</b>	<b>1</b>	<b>1</b>
<b>PT (KEW) N19</b>			
SEMENANJUNG	6,377	-	-
SABAH	917	-	-
SARAWAK	743	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>8,037</b>	<b>-</b>	<b>-</b>

(bersambung...)

(...sambung)

WILAYAH \ URUSAN	PERMOHONAN	TEMU DUGA	TAWARAN PELANTIKAN
<b>PPM N19</b>			
SEMENANJUNG	12,258	-	192
SABAH	2,415	-	1
SARAWAK	2,810	-	2
<b>JUMLAH</b>	<b>17,483</b>	<b>-</b>	<b>195</b>
<b>PM C19</b>			
SEMENANJUNG	9,783	-	86
SABAH	1,513	-	1
SARAWAK	1,457	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>12,753</b>	<b>-</b>	<b>87</b>

URUSAN WILAYAH	PERMOHONAN	TEMU DUGA	TAWARAN PELANTIKAN
<b>PENYELIA ASRAMA N19</b>			
SEMENANJUNG	7,326	-	22
SABAH	1,397	-	-
SARAWAK	1,828	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>10,551</b>	<b>-</b>	<b>22</b>
<b>PKP N19</b>			
SEMENANJUNG	6,844	-	-
SABAH	926	-	-
SARAWAK	884	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>8,654</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>PO N11</b>			
SEMENANJUNG	4,243	-	102
SABAH	692	-	-
SARAWAK	1,029	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>5,964</b>	<b>-</b>	<b>102</b>

(bersambung...)

(...sambung)




URUSAN WILAYAH	PERMOHONAN	TEMU DUGA	TAWARAN PELANTIKAN
<b>PEMANDU KENDERAAN H11</b>			
SEMENANJUNG	1,477	-	-
SABAH	234	-	-
SARAWAK	<b>291</b>	-	-
<b>PEMBANTU AM H11</b>			
SEMENANJUNG	2,230	-	-
SABAH	452	-	-
SARAWAK	657	-	-
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>95,593</b>	<b>1</b>	<b>407</b>

Perangkaan urusan pengambilan SABK adalah seperti di **Jadual 7**.**Jadual 7: Urusan Pengambilan SABK Tahun 2018**

JAWATAN URUSAN	PT (P/O) GRED N19	PPM GRED C19	PO GRED N11	JUMLAH
<b>KEDAH</b>				
TEMU DUGA	3	1	1	<b>5</b>
TAWARAN PELANTIKAN	3	1	1	<b>5</b>

**PERBANDINGAN URUSAN PENGAMBILAN PPP, PPPT DAN AKP**

Perbandingan urusan permohonan, panggilan temu duga dan tawaran pelantikan tetap mengikut jawatan bagi tempoh tiga tahun mulai 2016 hingga 2018 adalah seperti yang ditunjukkan oleh **Carta 2, 3 dan 4**.


**Carta 2: Perbandingan Urusan Pengambilan PPP Bagi Tahun 2016 Hingga 2018**

**Carta 3: Perbandingan Urusan Pengambilan PPPT Bagi Tahun 2016 Hingga 2018**

**Carta 4: Perbandingan Urusan Pengambilan AKP Bagi Tahun 2016 Hingga 2018**


## URUSAN PENGESAHAN PELANTIKAN

SPP telah mengesahkan pelantikan seramai **6,206** APP pada tahun 2018. Maklumat pengesahan pelantikan adalah seperti di **Jadual 8** dan perbandingan pengesahan pelantikan mengikut kumpulan jawatan bagi tahun 2018 seperti di **Carta 5**.

**Jadual 8: Pengesahan Pelantikan APP Bagi Tahun 2018**

WILAYAH	PPP	PPPT	AKP	JUMLAH
SEMENANJUNG	2,242	58	2,317	<b>4,617</b>
SABAH	576	40	170	<b>786</b>
SARAWAK	635	24	144	<b>803</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>3,453</b>	<b>122</b>	<b>2,631</b>	<b>6,206</b>

**Carta 5: Perbandingan Pengesahan Pelantikan APP Bagi Tahun 2018**






*Urusan*  
PERKHIDMATAN

## PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

Pada tahun 2018, SPP telah meluluskan pengesahan dalam perkhidmatan kepada **16,853** orang APP berdasarkan Peraturan 29 dan 37, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan pekeliling yang berkuat kuasa seperti di **Jadual 9**. Perbandingan pengesahan dalam perkhidmatan mengikut jawatan bagi tahun 2018 seperti di **Carta 6**.

**Jadual 9: Pengesahan Dalam Perkhidmatan APP Bagi Tahun 2018**

KUMPULAN WILAYAH	PPP	PPPT	AKP	JUMLAH
SEMENANJUNG	10,437	27	959	<b>11,423</b>
SABAH	2,468	15	279	<b>2,762</b>
SARAWAK	2,278	6	384	<b>2,668</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>15,183</b>	<b>48</b>	<b>1,622</b>	<b>16,853</b>

**Carta 6: Perbandingan Pengesahan Dalam Perkhidmatan APP Bagi Tahun 2018**




## PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

Seramai **3,326** orang APP telah diluluskan planjutan tempoh percubaan oleh SPP pada tahun 2018 mengikut Peraturan 30, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan pekeliling yang berkuat kuasa seperti di **Jadual 10**. Perbandingan planjutan tempoh percubaan mengikut jawatan bagi tahun 2018 seperti di **Carta 7**.

**Jadual 10: Planjutan Tempoh Percubaan APP Bagi Tahun 2018**

KUMPULAN WILAYAH	PPP	PPPT	AKP	JUMLAH
SEMENANJUNG	2,106	1	129	<b>2,236</b>
SABAH	588	-	42	<b>630</b>
SARAWAK	412	-	48	<b>460</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>3,106</b>	<b>1</b>	<b>219</b>	<b>3,326</b>

**Carta 7: Perbandingan Planjutan Tempoh Percubaan APP Bagi Tahun 2018**




## PEMBERIAN TARAF BERPENECEN

SPP telah meluluskan pemberian taraf berpenecen kepada **10,878** orang APP pada tahun 2018 yang dilaksanakan mengikut Peraturan 38, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan pekeliling yang berkuat kuasa seperti di **Jadual 11**. Perbandingan pemberian taraf berpenecen mengikut jawatan bagi tahun 2018 seperti di **Carta 8**.

**Jadual 11: Pemberian Taraf Berpenecen APP Bagi Tahun 2018**

WILAYAH	KUMPULAN			JUMLAH
	PPP	PPPT	AKP	
SEMENANJUNG	5,749	198	1,234	<b>7,181</b>
SABAH	1,512	45	150	<b>1,707</b>
SARAWAK	1,734	49	207	<b>1,990</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>8,995</b>	<b>292</b>	<b>1,591</b>	<b>10,878</b>

**Carta 8: Perbandingan Pemberian Taraf Berpenecen APP Bagi Tahun 2018**



## PENAMATAN PERKHIDMATAN

Pada tahun 2018, SPP telah mengeluarkan **dua (2) notis penamatan** kepada pegawai berdasarkan Peraturan 50(1) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan pekeliling yang berkaitan.

## PERTUKARAN PELANTIKAN

Pertukaran pelantikan merupakan tatacara pelantikan yang dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan untuk memindahkan pegawai ke Pihak Berkuasa Melantik yang berlainan atau ke skim perkhidmatan yang sama/berlainan tanpa melalui proses pelantikan biasa. Sepanjang tahun 2018, SPP telah meluluskan **satu (1) urusan pertukaran pelantikan** yang melibatkan **seorang** Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Urusan ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2016.

## PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN SEMENTARA

Pelantikan secara pertukaran sementara bermaksud pelantikan seseorang pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan ke perkhidmatan yang lain dalam angkatan perkhidmatan kehakiman dan perundangan, Perkhidmatan Awam Persekutuan, pasukan polis dan perkhidmatan pendidikan atau pelantikan ke suatu jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain di bawah PBM yang sama untuk tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai itu dengan perkhidmatan asalnya. Pertukaran sementara ini biasanya untuk mengisi jawatan terbuka.

Bagi tahun 2018, SPP telah melaksanakan urusan berkaitan pelepasan pertukaran sementara seramai **167** orang APP bagi membolehkan mereka berkhidmat di luar perkhidmatan pendidikan. Pelantikan secara pertukaran ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008,

Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012. Maklumat pelepasan untuk pertukaran sementara mengikut skim perkhidmatan bagi tahun 2018 adalah seperti **Jadual 12**.

**Jadual 12: Pelepasan Untuk Pertukaran Sementara APP Bagi Tahun 2018**

WILAYAH \ KUMPULAN	PPP	PPPT	AKP	JUMLAH
PELEPASAN BAGI URUSAN PERTUKARAN SEMENTARA	49	7	1	<b>57</b>
PELEPASAN BAGI PELANJUTAN URUSAN PERTUKARAN SEMENTARA	67	9	-	<b>76</b>
PEMENDEKAN BAGI URUSAN PERTUKARAN SEMENTARA	32	2	-	<b>34</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>148</b>	<b>18</b>	<b>1</b>	<b>167</b>

### PELANTIKAN SECARA PEMINJAMAN

Pelantikan secara peminjaman ialah pelantikan mana-mana pegawai mengikut Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan iaitu pegawai dalam perkhidmatan angkatan tentera, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, Perkhidmatan Awam Persekutuan, pasukan polis dan perkhidmatan pendidikan ke perkhidmatan awam tiap-tiap negeri (selain daripada Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis), Pihak Berkuasa Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia.

Pelantikan secara peminjaman ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling

Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012.

SPP sebagai PBM telah meluluskan permohonan pelepasan untuk pelantikan secara peminjaman seramai **33** orang APP untuk berkhidmat dalam perkhidmatan di bawah PBM yang lain seperti perkhidmatan angkatan tentera, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, pasukan polis dan perkhidmatan pendidikan atau perkhidmatan awam bagi suatu tempoh tertentu di mana hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya tidak terputus. Maklumat pelepasan untuk peminjaman bagi tahun 2018 adalah seperti **Jadual 13**.

**Jadual 13: Pelepasan Untuk Peminjaman APP Bagi Tahun 2018**

URUSAN \ KUMPULAN	PPP	PPPT	AKP	JUMLAH
PELEPASAN BAGI URUSAN PEMINJAMAN	14	-	-	<b>14</b>
PELEPASAN BAGI PELANJUTAN URUSAN PEMINJAMAN	18	-	-	<b>18</b>
PEMENDEKAN BAGI URUSAN PEMINJAMAN	1	-	-	<b>1</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>33</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>33</b>

### PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN TETAP

Pelantikan secara pertukaran tetap ialah kaedah pelantikan secara tetap pegawai yang sedang dipinjam / ditukar sementara ke jawatan yang disandang di agensi peminjam. Sepanjang tahun 2018, tiada urusan pertukaran tetap ke agensi peminjam atas kepentingan perkhidmatan agensi berkenaan yang dilaksanakan. Urusan ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008.

## PELANTIKAN KONTRAK

Selain pelantikan tetap, SPP juga turut membuat pelantikan secara kontrak yang dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2016.

Daripada **327** pelantikan kontrak pada tahun 2018, seramai **52 urusan** adalah lantikan pertama, manakala baki **275 urusan** adalah pelantikan semula. Maklumat pelantikan kontrak bagi tahun 2018 adalah seperti di **Jadual 14**.

**Jadual 14: Bilangan Pelantikan Kontrak Bagi Tahun 2018**

JAWATAN	PELANTIKAN PERTAMA	PELANTIKAN SEMULA
PPP GRED DG41 (SABK)	52	123
PPP GRED DG29 (SABK)	-	127
KUMPULAN PELAKSANA	-	25
<b>JUMLAH</b>	<b>52</b>	<b>275</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>327</b>	

## KEMBALI KE SKIM PERKHIDMATAN TERDAHULU

Seseorang pegawai yang telah disahkan dalam skim perkhidmatan terdahulu sebelum dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain boleh dibenarkan kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu apabila gagal untuk disahkan ke dalam skim perkhidmatan yang lain. Permohonan pegawai boleh dipertimbangkan dengan syarat pegawai telah melalui tempoh percubaan minimum yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan yang lain itu, ada kekosongan jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu, persetujuan Ketua Perkhidmatan yang berkenaan mestilah diperoleh dan jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu adalah di bawah bidang kuasa PBM yang sama. Namun begitu, kegagalan pegawai untuk disahkan mestilah bukan atas sebab kelakuannya yang tidak memuaskan.





*Urusan*  
KENAIKAN PANGKAT  
DAN KAWALAN  
TATATERTIB


## TINDAKAN TATATERTIB

Bagi tahun 2018, SPP telah menimbang dan memutuskan sebanyak **79 kes** tatatertib merangkumi tatatertib am dan tatatertib jenayah seperti di **Jadual 15**. Pecahan peratusan kes tatatertib bagi tahun 2018 ditunjukkan di **Carta 9**. Manakala **Jadual 16** menunjukkan hukuman tatatertib yang telah dijatuhkan ke atas APP sepanjang tahun 2018.

**Jadual 15: Kes Tatatertib Bagi Tahun 2018**

KES TATATERTIB	PPP	PPPT	JUMLAH
TIDAK HADIR BERTUGAS	55	2	<b>57</b>
TATA KELAKUAN	7	-	<b>7</b>
SABITAN MAHKAMAH	14	1	<b>15</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>76</b>	<b>3</b>	<b>79</b>

**Carta 9 : Pecahan Kes Tatatertib Tahun 2018**



**Jadual 16: Hukuman Tatatertib (Am Dan Jenayah) Bagi Tahun 2018**

HUKUMAN	JUMLAH
AMARAN	3
AMARAN DAN DENDA	4
AMARAN, DENDA DAN LUCUT HAK EMOLUMEN	1
AMARAN, LUCUT HAK EMOLUMEN DAN TURUN GAJI	3
AMARAN, LUCUT HAK EMOLUMEN DAN TANGGUH PERGERAKAN GAJI	3
AMARAN DAN TURUN GAJI	3
AMARAN DAN TANGGUH PERGERAKAN GAJI	3
AMARAN, LUCUT HAK EMOLUMEN DAN BUANG KERJA	1
LUCUT HAK EMOLUMEN	1
LUCUT HAK EMOLUMEN DAN TURUN GAJI	1
LUCUT HAK EMOLUMEN DAN TANGGUH PERGERAKAN GAJI	-
LUCUT HAK EMOLUMEN DAN TURUN PANGKAT	1
LUCUT HAK EMOLUMEN DAN BUANG KERJA	42
TURUN PANGKAT	-
BUANG KERJA	8
<b>JUMLAH</b>	<b>74</b>

Terdapat **lima (5)** perakuan tindakan tatatertib yang diterima dan tiada hukuman tatatertib yang dikenakan.

## PEWARTAAN

Sepanjang tahun 2018, SPP telah bersetuju mewartakan **tiga (3) orang** pegawai bagi jumlah kes tidak hadir bertugas tanpa cuti dan tidak dapat dikesan mengikut Peraturan 26, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib).

## PERINTAH TAHAN KERJA DAN PERINTAH GANTUNG KERJA

Perintah Tahan Kerja (PTK) dikenakan ke atas pegawai apabila telah dimulakan prosiding-prosiding berikut:

- (i) Prosiding jenayah; atau
- (ii) Prosiding tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat.

Manakala Perintah Gantung Kerja (PGK) pula dikenakan ke atas pegawai dalam keadaan seperti berikut:

- (i) Pegawai telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah; atau
- (ii) Suatu perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri dan sebagainya seperti dinyatakan di bawah Peraturan 32, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 Telah Dibuat Terhadap Pegawai.

Pada tahun 2018, SPP telah meluluskan sebanyak **17 Perintah Tahan Kerja** dan sebanyak **18 Perintah Gantung Kerja** seperti di **Jadual 17**.

**Jadual 17: Kelulusan Perintah Tahan Kerja Dan Perintah Gantung Kerja Bagi Tahun 2018**

JENIS KESALAHAN	PERINTAH	
	PTK	PGK
AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997 / AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009	-	1
KESALAHAN DI BAWAH KANUN KESEKSAAN / UNDANG-UNDANG LAIN	5	9
KESALAHAN JENAYAH DI BAWAH AKTA / ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH ATAU ENAKMEN UNDANG-UNDANG ISLAM	12	8
<b>JUMLAH</b>	<b>17</b>	<b>18</b>


## RAYUAN TATATERTIB

Pada tahun 2018, Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan telah menimbang dan memutuskan sebanyak **161 kes rayuan tatatertib** bagi APP seperti di **Jadual 18**. Pecahan peratusan keputusan rayuan tatatertib bagi tahun 2018 ditunjukkan di **Carta 10**.

**Jadual 18 : Keputusan Kes Rayuan Tatatertib Bagi Tahun 2018**

KEPUTUSAN	JUMLAH
MENGHANTAR BALIK KES KEPADA LEMBAGA TATATERTIB UNTUK DITIMBANG SEMULA	9
MENGESAHKAN KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB	143
MENGESAHKAN KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB TENTANG SALAH LAKU PERAYU TETAPI MENGUBAH HUKUMAN KEPADA HUKUMAN YANG LEBIH RINGAN	6
MENGAKAS KEPUTUSAN DAN HUKUMAN LEMBAGA TATATERTIB DAN MEMBEBAKANKAN PERAYU	3
<b>JUMLAH</b>	<b>161</b>

**Carta 10 : Perbandingan Keputusan Kes Rayuan Tatatertib Bagi Tahun 2018**



## RAYUAN KENAIKAN PANGKAT

SPP selaku Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat telah mempertimbangkan sebanyak **14 rayuan kenaikan pangkat**. Rayuan kenaikan pangkat tahun 2018 yang diterima daripada APP adalah seperti di **Jadual 19**.

**Jadual 19: Keputusan Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat APP Bagi Tahun 2018**

KATEGORI RAYUAN KENAIKAN PANGKAT	KEPUTUSAN RAYUAN	
	RAYUAN DITOLAK	RAYUAN DITERIMA
PPP GRED DG48 KE GRED DG52	1	-
PPP GRED DG44 KE GRED DG48	3	-
PPP GRED DG41 KE GRED DG44	3	-
PPP GRED DG34 KE GRED DG38	1	-
PPP GRED DH29 KE GRED DH32	6	-
<b>JUMLAH</b>	<b>14</b>	<b>-</b>



*Pengurusan*  
MAKLUMAT

### DASAR KESELAMATAN ICT VERSI 3.0

Dasar Keselamatan ICT diwujudkan untuk menjamin kesinambungan urusan Jabatan dengan meminimumkan kesan insiden keselamatan ICT dan bertujuan untuk memudahkan perkongsian maklumat yang bersesuaian dengan keperluan operasi Jabatan. Dasar ini dikeluarkan bagi memastikan pengguna mematuhi amalan tahap keselamatan ICT menerusi sistem penyampaian yang diberikan.

Dasar keselamatan ICT SPP (DKICT) versi 1.0 telah berkuat kuasa pada 5 Mei 2008 seiring dengan perkembangan teknologi dan perubahan dasar serta perubahan polisi kerajaan. SPP komited melaksanakan sebarang perubahan dasar dan polisi dengan membuat pengemaskinian dari semasa ke semasa.

Bagi memastikan tahap keselamatan ICT mengikut standard amalan terbaik (*best practice*) dan terkini, Bahagian Pengurusan Maklumat SPP pada bulan April 2015 telah mengeluarkan versi DKICT 2.0 dengan mengambil kira 18 bidang (*domain*) yang digunakan mengikut standard MS ISO/IEC 27001:2007.

Bermula pada 25 Mei 2018, DKICT versi 2.0 telah disemak semula memandangkan standard ISO yang baharu iaitu MS ISO/IEC 27001:2013 telah diguna pakai secara meluas dan pada 1 Jun 2018 DKICT versi 3.0 telah dikuatkuasakan melalui Surat Arahan Setiausaha SPP Bilangan 5 Tahun 2018.



Empat Belas Bidang (Domain) Utama DKICT Versi 3.0



## BENGGEL KAJIAN SEMULA SISTEM eSPP

Bengkel Kajian Semula Sistem eSPP telah diadakan pada 13 hingga 15 November 2018 di Avillion Legacy Melaka Hotel, Melaka. Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Setiausaha SPP pada 13hb November 2018.

Objektif bengkel adalah untuk menganalisis dan mengkaji keperluan baharu pengguna dan menilai semula proses yang telah ditetapkan sama ada perlu dipinda mengikut kesesuaian.



Perbincangan meliputi modul yang terdapat di dalam sistem dan skop kerja terlibat iaitu:

- Permohonan dan Tapisan
- Temu duga dan Tawaran
- Dasar dan Laporan
- Perkhidmatan
- Infrastruktur Teknikal dan Integrasi



## Pemantauan Laman Web Rasmi SPP

MAMPU JPM telah melaksanakan pemantauan kandungan laman web rasmi ke atas 232 agensi dan portal MyGovernment yang telah diadakan pada 15 hingga 26 Januari 2018. Objektif pemantauan adalah untuk memastikan laman web agensi boleh diakses oleh pengguna dan maklumat adalah yang terkini serta membantu agensi untuk meningkatkan kualiti laman web. Daripada 47 buah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri yang telah dinilai, hanya 11 agensi yang telah berjaya memenuhi kesemua lapan (8) kriteria pemantauan kandungan termasuk Laman Web Rasmi SPP.

## Kriteria Pemantauan Kandungan



### INISIATIF KESELAMATAN ICT HIJAU

Bermula tahun 2018 SPP telah memperkenalkan satu program baharu yang dikenali sebagai ICT Hijau. Melalui Bahagian Pengurusan Maklumat, SPP beberapa siri program kesedaran ICT Hijau telah dilaksanakan melalui hebahan secara e-mel kepada pengguna SPP dan juga program lawatan ke agensi yang telah lama mengamalkan ICT Hijau.



### SESI PENGAUDITAN PENSIJILAN MS ISO/IEC 27001:2013

Keselamatan maklumat merupakan agenda utama bagi Bahagian Pengurusan Maklumat, SPP dan bagi menjamin keselamatan maklumat sentiasa terpelihara dan terjaga pada tahap terbaik,



pengsijilan MS ISO/IEC 27001:2013 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) telah dilaksanakan bermula dari bulan Ogos 2018 sehingga November 2018.



Sesi pengauditan terbahagi kepada dua (2) peringkat iaitu Audit Dalam ISMS dan Audit Pensijilan SIRIM. Sesi pembukaan pengauditan telah dilaksanakan oleh Tuan Haji Md Radzi bin Hashim selaku Timbalan Setiausaha (Pengambilan dan Perkhidmatan) dan sesi penutupan audit pula dilaksanakan oleh YBhg. Datuk Abu Bakar bin Idris, Setiausaha SPP. Lima (5) Bahagian terlibat bagi sesi pengauditan tersebut iaitu Bahagian Perkhidmatan, Bahagian Pengambilan Guru, Bahagian Pengambilan Bukan Guru, Bahagian Pengurusan Maklumat dan Bahagian Khidmat Pengurusan dan sesi lawatan tapak ke Pusat Data Sektor Awam bertempat di Blok B8, Jabatan Perdana Menteri dan Bandar Enstek.





*Urus Setia*  
CAWANGAN SABAH

### MESYUARAT PERHUBUNGAN SPP BERSAMA JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH

Mesyuarat penyelarasan ini merupakan mesyuarat tahunan yang dirancang bagi membincangkan isu-isu dan perkara berbangkit mengenai hal pengambilan dan perkhidmatan APP di Negeri Sabah. Mesyuarat yang diadakan pada 8 Mac 2018 ini, turut dihadiri oleh pegawai Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).



### LATIHAN DAN HANDHOLDING URUSAN PENGAMBILAN SISTEM eSPP

Sesi latihan dan *handholding* telah dilaksanakan oleh Bahagian Pengambilan Guru dan Bahagian Pengambilan Bukan Guru daripada Ibu Pejabat kepada kakitangan di Unit Pengambilan Urus Setia Cawangan (USC) Sabah. Sesi latihan ini adalah bagi mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh warga Unit Pengambilan, USC Sabah dalam urusan kerja seharian.





### MESYUARAT *POST MORTEM* NAZIRAN URUSAN PERKHIDMATAN

Unit Perkhidmatan USC Sabah telah menjalankan naziran dan taklimat Sistem ePROPER di bahagian Pantai Barat dan pedalaman Negeri Sabah pada bulan Februari dan April 2018. Sehubungan itu, USC Sabah telah mengadakan mesyuarat *post mortem* bagi membincangkan dan membentangkan hasil naziran dan taklimat yang telah dijalankan. Hasil *post mortem* tersebut dapat dijadikan sebagai panduan untuk penambahbaikan prosedur pelaksanaan naziran dan taklimat pada masa hadapan.



### MESYUARAT PENGURUSAN BERSAMA KAKITANGAN

Mesyuarat Pengurusan Bersama Kakitangan ini merupakan satu medium di mana pihak pengurusan tertinggi USC Sabah menyampaikan pembentangan mengenai urusan terkini aktiviti pengambilan, perkhidmatan serta pentadbiran khususnya di USC Sabah. Selain daripada itu, sesi ini juga membolehkan semua kakitangan menyuarakan pendapat atau cadangan serta memaklumkan sebarang permasalahan yang dihadapi kakitangan kepada pihak pengurusan tertinggi SPP USC Sabah.



### TAKLIMAT SISTEM IGFMS DAN ePEROLEHAN BAHARU

Dalam melaksanakan inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan, sistem perakaunan Kerajaan Persekutuan telah beralih daripada tunai ubah suai kepada akruan. Pelaksanaan perakaunan akruan sejajar dengan Dasar Transformasi Sektor Awam dalam model baharu ekonomi bertujuan memantapkan pengurusan fiskal berhemat serta mempertingkatkan kecekapan pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan.

Taklimat penerangan ini juga adalah sebahagian daripada sesi perkongsian ilmu kepada kakitangan USC Sabah agar tidak ketinggalan dalam memahami dan melaksanakan dasar-dasar baharu Kerajaan.

## BENGKEL PENULISAN *myPORTFOLIO*

Program ini dilaksanakan dengan pengisian sesi taklimat Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 4 Tahun 2018 berkenaan *myPortfolio*: Panduan Kerja Sektor Awam yang disampaikan oleh Ketua Unit Pentadbiran, Puan Raihan Binti Ramly. Sesi ini bertujuan untuk memberi penerangan secara terperinci mengenai pelaksanaan PKPA Bilangan 4 Tahun 2018 dan elemen-elemen penting yang perlu dimasukkan dalam penyediaan *myPortfolio*. Hasil perbincangan dibentangkan bagi membolehkan pegawai mengenal pasti perincian skop tugas di bahagian masing-masing.






*Urus Setia*  
CAWANGAN SARAWAK

### PROGRAM TOUCH-POINT CABINET AWAY DAY 2018

Tahun 2018 dimulakan dengan aktiviti CSR bersama dengan Politeknik Mukah di Sarikei bagi Program *Touch-Point Cabinet Away Day* 2018 Politeknik Mukah, Parlimen Sarikei bertempat di Rh. Amba, Sg. Paoh Sarikei pada 4 hingga 7 Januari 2018. Objektif projek adalah untuk meningkatkan impak sosial melalui perkongsian pengalaman dan kepakaran pelajar TVET kepada isi rumah yang terlibat dengan projek ini. Keberhasilan yang disasarkan adalah peningkatan kualiti kehidupan kepada golongan sasaran. Selain itu, USC Sarawak juga mengambil peluang mengadakan sesi naziran di PPD Sarikei yang turut disertai oleh PPD Meradong dan PPD Julau.



## PROGRAM JALINAN KASIH PENDIDIKAN KHAS

Program Jalinan Kasih Pendidikan Khas peringkat Daerah Bau telah diadakan di Sekolah Kebangsaan (SK) Grogo anjuran Pendidikan Khas SK Grogo dan Kelab Rekreasi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Sarawak. Program Jalinan Kasih Pendidikan Khas peringkat Daerah Bau melibatkan SK Grogo, SK Tembawang, SK Bau dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bau serta PDK Bau, PDK Singai, PDK Seniawan, PDK Serasot dan PDK Duyoh. Objektif penganjuran program adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara pihak pengurusan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), PDK daerah Bau dan ibu bapa MBK di samping menggalakkan kerjasama dan penglibatan diri secara aktif MBK melalui aktiviti yang dijalankan.



## KURSUS KESEDARAN KESIHATAN DAN PENCEGAHAN KANSER SERVIKS

Satu Taklimat Kesedaran Kesihatan Dan Pencegahan Kanser Serviks telah diadakan pada 28 Jun 2018 bertempat di Bilik Murud dengan kerjasama daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Di samping mengadakan taklimat, pemeriksaan kesihatan juga telah dijalankan pada hari tersebut. Selain daripada pegawai USC Sarawak, kami juga telah menjemput kakitangan pejabat-pejabat yang berada di Bangunan Lee Onn.



### KUNJUNGAN HORMAT KEPADA PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK

Kunjungan hormat kepada Tuan Khirudin Drahman, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sarawak (JBPM), bagi membincangkan latihan pengungsian dan juga potensi mengadakan aktiviti bersama dalam program JBPM akan datang.



### TAKLIMAT KEBAKARAN 'NEVER TRUST FIRE'

USC Sarawak telah mengadakan taklimat kebakaran 'Never Trust Fire' bertempat di Bilik Murud. Panduan dan tips pencegahan kebakaran yang diberikan amat berguna bagi memastikan kakitangan dapat bertindak dengan sewajarnya jika berlaku insiden kebakaran di tempat kerja.







*Prestasi*  
KEWANGAN

SPP diperuntukkan sebanyak **RM22,203,100.00** bagi perbelanjaan mengurus di bawah T10 dan B40 bagi tahun 2018 dengan jumlah emolumen sebanyak **RM17,051,600.00**. Keseluruhan perbelanjaan pada akhir tahun berjumlah **RM20,543,223.61** yang bersamaan **92.52%**. Perangkaan peruntukan dan perbelanjaan di bawah T10 dan B40 bagi tahun 2018 adalah seperti di **Jadual 20** dan perbandingan bagi Bajet T10 dan B40 bagi tahun 2018 seperti **Carta 11** dan **Carta 12**.

**Jadual 20: Bajet T10 Dan B40**

MAKSUD \ PERKARA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	EMOLUMEN (RM)	TANPA EMOLUMEN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
T10	5,400,000.00	4,096,600.00	1,303,400.00	4,581,811.91	84.85
B40	16,803,100.00	12,955,000.00	3,848,100.00	15,961,411.70	94.99
<b>JUMLAH</b>	<b>22,203,100.00</b>	<b>17,051,600.00</b>	<b>5,151,500.00</b>	<b>20,543,223.61</b>	<b>92.52</b>

**Carta 11: Bajet T10**

**Carta 12: Bajet B40**




*Mesyuarat*  
SURUHANJAYA


Pelaksanaan Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran adalah berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran 2007 [(P.U.A) 189/2007]. Sepanjang tahun 2018, Mesyuarat Suruhanjaya telah diadakan sebanyak **24 kali**, Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib sebanyak **24 kali** dan Mesyuarat Lembaga Rayuan Naik Pangkat sebanyak **11 kali**. Bilangan kertas mesyuarat yang telah dipertimbangkan mengikut kategori adalah seperti di **Jadual 21** dan pecahan mengikut peratus adalah seperti di **Carta 13**.

**Jadual 21: Bilangan Kertas Mesyuarat Suruhanjaya Bagi Tahun 2018**

PERKARA	JUMLAH
<b>MESYUARAT SURUHANJAYA</b>	
KERTAS PENGAMBILAN	180
KERTAS PERKHIDMATAN	82
KERTAS TATATERTIB	124
KERTAS DASAR	1
<b>MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB</b>	
KERTAS RAYUAN TATATERTIB	161
<b>MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN NAIK PANGKAT</b>	
KERTAS RAYUAN NAIK PANGKAT	9
<b>JUMLAH KESELURUHAN KERTAS PERTIMBANGAN</b>	<b>557</b>



**Carta 13: Pecahan Peratus Kertas Suruhanjaya Yang Telah Dibentangkan Bagi Tahun 2018**





*Aktiviti dan  
Pencapaian Utama*  
SEPANJANG TAHUN 2018

## PROGRAM BERSEPADU SPP

Program Bersepadu SPP merupakan inisiatif turun padang bertemu pelanggan dan pemegang taruh (*stakeholder*) secara bersemuka dalam usaha menambah baik penyampaian perkhidmatan dan pengukuhan fungsi dan peranan SPP sebagai Pihak Berkuasa Melantik.

Senarai Aktiviti di bawah Program Bersepadu SPP:

- a) Mesyuarat Suruhanjaya
- b) Program Bual Bicara SPP bersama Warga Pendidikan Negeri
- c) Program Konsultasi Perkhidmatan dan Tatatertib
- d) Program Penandaarasan Sistem Pengambilan Guru Luar Negara
- e) Mesyuarat Pengurusan



## PROGRAM BUAL BICARA SPP BERSAMA WARGA PENDIDIKAN NEGERI

BIL	SENARAI PROGRAM BICARA	TARIKH	PERASMI
1.	Program Bual Bicara SPP bersama Warga Pendidikan Sibu, Sarawak di Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang, Miri Sarawak	25 Januari 2018	YB Datuk Joseph Entulu Anak Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri
2.	Program Bual Bicara SPP bersama Warga Pendidikan Simunjan dan Samarahan di Dewan Mesra Simunjan, Sarawak	12 April 2018	YB Encik Awla Bin Dris, Ahli Dewan Undangan Negeri Simunjan
3.	Program Bual Bicara SPP bersama Warga Pendidikan Negeri Pahang di Bahagian Teknologi Pendidikan Kuantan, Pahang	23 April 2018	YBhg. Tan Sri Dr. Haili bin Dolhan, Pengerusi SPP
4.	Pogram Bual Bicara SPP bersama Warga Pendidikan Kuching, Sarawak di Bangunan Sultan Iskandar, Kuching Sarawak	12 Julai 2018	YBhg. Tan Sri Dr. Haili bin Dolhan, Pengerusi SPP
5.	Program Bual Bicara SPP bersama Warga Pendidikan Johor Bahru di Institut Pendidikan Guru Kampus Temengong Ibrahim, Johor Bahru Johor	20 September 2018	YBhg. Tan Sri Dr. Haili bin Dolhan, Pengerusi SPP
6.	Program Bual Bicara SPP bersama Warga Pendidikan Labuan di Dewan Sebaguna Perbadanan Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan	25 Oktober 2018	YBhg. Tan Sri Dr. Haili bin Dolhan, Pengerusi SPP



## PROGRAM PENANDAARASAN SISTEM PENGAMBILAN GURU DI LUAR NEGARA

Program ini merupakan program kerjasama strategik antara SPP dengan Pejabat Konsulat Malaysia di Australia dan Brunei serta pihak pentadbir pendidikan iaitu *Department of Education*, Perth, Australia dan Kementerian Pendidikan Brunei. Objektif utama program ini ialah untuk membuat pemerhatian ke atas sistem pemilihan guru yang dilaksanakan oleh negara-negara ini dan mendapatkan pandangan yang baharu bagi menambak baik sistem pemilihan guru sedia ada.

BIL	SENARAI PROGRAM PENANDAARASAN	TARIKH	KETUA DELEGASI
1.	Program Penandaarasan Sistem Pengambilan Guru Perth, Australia di <i>Department of Education</i> , Perth Australia	22 Mac 2018	YBhg. Tan Sri Dr. Haili bin Dolhan, Pengerusi SPP
2.	Program Penandaarasan Sistem Pengambilan Guru Brunei Darussalam di Dewan Senat Universiti Darussalam	23 Oktober 2018	YBhg. Tan Sri Dr. Haili bin Dolhan, Pengerusi SPP



## TAKLIMAT PELAKSANAAN SISTEM ePROPER



Sistem ePROPER merupakan sistem yang dibangunkan oleh SPP bagi melaksanakan urusan perkhidmatan secara dalam talian yang merangkumi empat (4) modul iaitu pengesahan pelantikan tetap, pelanjutan tempoh percubaan, pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen.

Sepanjang tahun 2018, taklimat pelaksanaan sistem telah diadakan di lapan (8) buah negeri dengan menjemput para peserta dari Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang terdiri daripada tiga (3) jenis peranan pengguna sistem iaitu Penyedia, Penyemak dan Peraku. Senarai negeri-negeri yang telah terlibat dengan siri taklimat Sistem ePROPER pada tahun 2018 adalah seperti di **Jadual 22**, **Jadual 23** dan **Jadual 24**.



**Jadual 22: Senarai Negeri di Semenanjung Yang Terlibat Dengan Taklimat Sistem ePROPER Bagi Tahun 2018**

BIL.	NEGERI	BILANGAN PTJ	TARIKH
1.	Johor	107	5 & 7 Februari 2018
2.	Perak	61	19 & 20 Februari 2018
3.	Kelantan	87	27 Mac 2018
4.	Terengganu	78	29 Mac 2018
5.	Pahang	92	23 April 2018
6.	Selangor	105	14 & 15 Mei 2018

**Jadual 23: Senarai Daerah di Sabah Yang Terlibat Dengan Taklimat Sistem ePROPER Bagi Tahun 2018**

BIL.	DAERAH	TARIKH
1.	Kota Belud, Tuaran, Ranau, Kota Kinabalu & Penampang	26 Februari & 2 Mac 2018
2.	Tambunan, Keningau, Nabawan, Tenom, Sipitang, Beaufort & Kuala Penyu	23 April 2018
3.	Tawau, Semporna, Kunak & Lahad Datu	23 Julai 2018
4.	Kudat, Pitas, Kota Marudu & Pulau Banggi	25 Ogos 2018
5.	WP Labuan	25 Oktober 2018



**Jadual 24: Senarai Daerah di Sarawak Yang Terlibat Dengan Taklimat Sistem ePROPER Bagi Tahun 2018**

BIL.	DAERAH	TARIKH
1.	PPD Miri & PPD Subis	24 & 25 Julai 2018
2.	PPD Bau	23 Julai 2018
3.	PPD Sarikei & PPD Meradong	26 & 27 Julai 2018
4.	PPD Lundu	7 Ogos 2018
5.	PPD Sibu, PPD Selangau & PPD Kanowit	23 & 24 Ogos 2018
6.	PPD Sri Aman & PPD Lubok Antu	26 September 2018



### NAZIRAN SISTEM ePROPER



Selaras dengan Perenggan 11, Pekeliling SPP Bilangan 5 Tahun 2018 berkenaan Pelaksanaan Sistem ePROPER, SPP perlu melaksanakan naziran ke atas semua perakuan urusan perkhidmatan yang dikemukakan secara dalam talian melalui Sistem ePROPER. Ini bertujuan bagi memastikan perakuan tersebut lengkap dan teratur berdasarkan maklumat yang direkodkan dalam buku perkhidmatan Kerajaan dan dokumen yang disimpan dalam fail peribadi pegawai.

Sepanjang tahun 2018, naziran pelaksanaan Sistem ePROPER telah diadakan di 14 buah negeri yang melibatkan 3,764 urusan di 602 PTJ seperti di **Jadual 25**, **Jadual 26** dan **Jadual 27**.

**Jadual 25: Senarai PTJ di Semenanjung Yang Dilaksanakan Naziran Sistem ePROPER Bagi Tahun 2018**

BIL.	NEGERI	TARIKH	JUMLAH PTJ	JUMLAH URUSAN
1.	WP Putrajaya	15 Januari & 5 Julai 2018	15	271
2.	Kedah	18 Mac 2018	17	30
3.	Perlis	19 Mac 2018	12	25
4.	Negeri Sembilan	26 & 27 Jun 2018	3	79
5.	WP Kuala Lumpur	13 Ogos 2018	60	569
6.	Pulau Pinang	5 September 2018	33	142
7.	Kedah	6 September 2018	22	69
8.	Johor	20 & 21 September 2018	90	449
9.	Kelantan	9 Oktober 2018	22	66
10.	Terengganu	11 Oktober 2018	26	115
11.	Pahang	31 Oktober 2018	42	122
12.	Perak	8 November 2018	74	216
<b>JUMLAH</b>			<b>416</b>	<b>2,153</b>

**Jadual 26: Senarai Daerah di Sabah Yang Dilaksanakan Naziran Sistem ePROPER Bagi Tahun 2018**

BIL.	DAERAH	TARIKH	JUMLAH PTJ	JUMLAH URUSAN
1.	Kota Kinabalu, Kota Belud, Tuaran, Penampang dan Ranau	26 Februari-2 Mac 2018	15	45
2.	Keningau, Tambunan, Nabawan dan Tenom	23 - 27 April 2018	27	134
3.	Tawau, Lahad Datu, Semporna dan Kunak	23 - 27 Julai 2018	17	170
4.	Kudat, Pitas, Kota Marudu dan Pulau Banggi	25 - 29 Ogos 2018	13	119
5.	WP Labuan	22 - 26 Oktober 2018	11	162
<b>JUMLAH</b>			<b>83</b>	<b>630</b>



**Jadual 27: Senarai Daerah di Sarawak Yang Dilaksanakan Naziran Sistem ePROPER Bagi Tahun 2018**

BIL.	DAERAH	TARIKH	JUMLAH PTJ	JUMLAH URUSAN
1.	Miri	24 & 25 Julai 2018	38	241
2.	Sarikei	26 & 27 Julai 2018	11	43
3.	Kuching	27 Julai & 7 Ogos 2018	9	92
4.	Sibu	23 & 24 Ogos 2018	29	412
5.	Serian	12 September 2018	7	63
6.	Sri Aman	26 September 2018	9	130
<b>JUMLAH</b>			<b>103</b>	<b>981</b>

### PENSIJILAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

USC Sarawak telah mendapat sijil pengiktirafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dengan Kategori Cemerlang daripada pejabat MAMPU. Majlis penyampaian sijil telah diadakan di Hotel Pullman, Miri bersempena Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan dan telah disampaikan oleh YBhg. Setiausaha Persekutuan Sarawak Dato' Haji Mansor Bin Man.



### MAJLIS PENGANUGERAHAN SIJIL MS ISO 9001:2015

Majlis Penganugerahan Sijil Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 telah diadakan pada 13 Februari 2018 bertempat di Dewan Sri Siantan, Perbadanan Putrajaya untuk mengiktiraf usaha SPP yang telah berjaya melaksanakan sistem pengurusan kualiti bagi meningkatkan sistem perkhidmatan penyampaian dengan lebih berkesan dan mengikut *standard* yang telah ditetapkan.

Pelaksanaan sistem pengurusan kualiti ini adalah berdasarkan kepada saranan Kerajaan Malaysia melalui Surat Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2002 iaitu Garis Panduan Bagi Melaksanakan MS ISO 9000:2000 Dalam Perkhidmatan Awam. Pengiktirafan ini secara tidak langsung meningkatkan imej SPP sebagai sebuah Pihak Berkuasa Melantik sektor pendidikan negara.



### SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013

Pelaksanaan ISMS di SPP telah diwujudkan bagi menjamin keselamatan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan SPP. Ia dilaksanakan dengan mematuhi peraturan dan *standard* antarabangsa bagi memastikan integriti dan keselamatan data dilindungi. Pelaksanaan ini juga dapat meningkatkan keyakinan pelanggan yang berurusan dengan SPP.

SPP telah berjaya mendapatkan pensijilan ISMS bagi versi MS ISO/IEC 27001:2013 daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 15 November 2018.

Skop pensijilan ISMS di SPP adalah **“Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Perakuan Urusan Perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) menggunakan Sistem eSPP di Ibu Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran”**

Majlis penganugerahan pensijilan telah dilaksanakan oleh wakil Pihak SIRIM QAS International Puan Fauziah binti Sulaiman dan telah diterima oleh YBhg. Tan Sri Dr Haili bin Dolhan selaku Pengerusi SPP pada 22 November 2018.







*Diari*  
2018

# JANUARI

## 9 JANUARI:

Lawatan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ke Ibu Pejabat SPP, Putrajaya



## 16 - 17 JANUARI:

Sesi pengauditan bagi Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 di Ibu Pejabat SPP, Putrajaya.



### 19 JANUARI:

Perbincangan pelaksanaan tapisan keselamatan di Antara Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia bertempat di Ibu Pejabat SPP, Putrajaya



### 30 JANUARI:

Majlis Amanat 2018 Setiausaha bersama warga SPP di Auditorium JPM, Putrajaya



# FEBRUARI

## 23 FEBRUARI:

Ceramah dan penyampaian Tabung Sumbangan Umat Islam Rohingya bertempat di Bilik Temu Duga SPP, Putrajaya



## 15 MAC:

Kunjungan Hormat YBhg. Dato' Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pendidikan Malaysia ke Ibu Pejabat SPP, Putrajaya



## 27 & 29 MAC:

Taklimat Sistem ePROPER di Kelantan dan Terengganu



## 22 MAC:

Lawatan Ahli Suruhanjaya ke *Department of Education, Western, Australia* di Perth



# APRIL

## 23 APRIL:

Taklimat Sistem ePROPER di Kuantan, Pahang



**23 APRIL:**  
 Program Bual Bicara bersama  
 Warga Pendidikan Pahang dan  
 Konsultasi Perkhidmatan serta  
 Tatatertib di Kuantan, Pahang



### 4 MEI:

Mesyuarat Sistem eTapis (Sistem Semakan Integriti Calon) diadakan di Ibu Pejabat SPP, Putrajaya



### 4 MEI:

Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Kecil SPP telah diadakan di Ibu Pejabat SPP, Putrajaya



### 14 MEI:

Taklimat Sistem ePROPER di Politeknik Shah Alam, Selangor



# JUN

## 5 JUN:

Kelab Sukan dan Rekreasi SPP telah menganjurkan Program Syukuri Ramadhan bertempat di Surau B1 Aras 4, JPM



**28 JUN:**  
Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri SPP bertempat di Ruang Legar Blok B3, Putrajaya



## 12 JULAI:

Program Bersepadu SPP di Negeri Sarawak telah diadakan di Bangunan Sultan Iskandar, Kuching



## 27 JULAI:

Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat serta Wacana Ilmu SPP berlangsung di Bilik Temu Duga SPP, Putrajaya



## 18 JULAI:

Mesyuarat Pencapaian Setengah Tahun Sasaran Kerja Tahunan (SKT) SPP 2018 yang melibatkan Setiausaha, Timbalan Setiausaha, Setiausaha Bahagian dan Penolong Setiausaha telah dilaksanakan di Copthorne Hotel, Cameron Highlands, Pahang



# OGOS

## 10 OGOS:

Kunjungan hormat daripada Pegawai Kanan Kesatuan Sekerja Pembantu Tadbir (Pendidikan) Semenanjung Malaysia, Kuala Lumpur ke Ibu Pejabat SPP



## 10 OGOS:

Majlis bacaan Yassin dan Tazkirah Anjuran Puspanita Cawangan Kecil SPP turut menjemput Warga Rumah Pengasih Warga Prihatin Kajang, Selangor bagi menjayakan majlis ini



## 27 - 29 OGOS:

Kursus Hal Ehwal Perkhidmatan SPP telah diadakan selama tiga (3) hari bertempat di Eagle Ranch Resort Port Dickson, Negeri Sembilan



# SEPTEMBER

## 12 SEPTEMBER:

Taklimat Pelaksanaan ISMS MS / IEC 27001:2013 SPP di Ibu Pejabat SPP, Putrajaya



## 19 SEPTEMBER:

Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan diadakan di Hotel Puteri Pacific, Johor Bahru, Johor



**20 SEPTEMBER:**

Program Bual Bicara SPP bersama Warga Pendidikan Johor Bahru di Johor



**27 SEPTEMBER:**

Perhimpunan Bulanan SPP dan Ceramah Penerapan Nilai-Nilai Murni diadakan di Auditorium, JPM



# OKTOBER

## 23 OKTOBER:

Lawatan SPP ke Institut Latihan Guru di Dewan Senate, Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam



## 24 OKTOBER:

Program Bual Bicara SPP Bersama Warga Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan



# NOVEMBER

## 8 - 10 NOVEMBER:

Mesyuarat Bersepadu SPP yang merangkumi Mesyuarat Semakan Pelan Strategik, Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan, Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat Sasaran Kerja Tahunan telah diadakan di Hotel Royale Chulan, Negeri Sembilan



## 23 NOVEMBER:

Sesi Clock Out YBhg. Tan Sri Dr Haili bin Dolhan, Pengerusi SPP bertempat di Ibu Pejabat SPP, Putrajaya



## 27 NOVEMBER:

Majlis Angkat Sumpah Pengerusi dan Ahli Suruhanjaya yang baharu di Istana Kehakiman, Putrajaya



# DISEMBER

## 11 DISEMBER:

Majlis Ramah Mesra YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof bersama Warga SPP bertempat di Perkarangan Lobi , Blok B3, Jabatan Perdana Menteri





*Liputan*  
MEDIA

UTUSAN MALAYSIA, 24 JULAI 2018

**4 DALAM NEGERI**

**Percepatkan lantikan guru lepasan universiti awam**

**KUALA LUMPUR 24 Julai** - Kementerian Pendidikan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) diminta mempercepatkan proses lantikan dan penempatan graduan pendidikan universiti awam supaya masalah kekurangan guru dapat ditangani.

Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Harry Tan Huat Hock berkata, Kementerian Pendidikan dan SPP harus memandang serius isu penempatan graduan pendidikan yang semakin kritikal.

"NUTP memohon kementerian dan SPP supaya mempercepatkan proses penempatan graduan pendidikan lepasan universiti awam.

"Penempatan ini khasnya bagi memenuhi kekosongan tempat



**HARRY TAN HUAT HOCK**



**KHAIRUL AZMAN AHMAD AKBARI**

dari universiti awam seluruh negara masih belum menerima penempatan sebagai guru lantikan dasar pasarian terbuka yang lebih produktif dan serius dalam memastikan pengurangan kadar pengangguran graduan pendidikan.

"Kementerian dan pihak berkaitan sebaharnya mempercepatkan proses melantik dan menempatkan graduan pendidikan ke alam pekerjaan.

"Kementerian juga disarankan membuat penilaian semula berkaitan isu penempatan ini," katanya.

Mengulas lanjut, Azrinayah turut berkata, memana laman web Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP), seramai 3,392 graduan menghadiri temu duga pada April lalu dan mereka kini sedang dalam koodaan tertanya-tanya kerana keputusan temu duga tersebut ditangguhkan sehingga hari ini.

Katanya, mengikut amalan terdahulu yang tercatat dalam piagam pelanggan SPP, keputusan akan diumumkan empat minggu selepas tarikh akhir temu duga.

"Namun disebabkan pertukaran kerajaan, mungkin berlaku sedikit kekeliruan sehingga pengumuman keputusan tersebut ditangguhkan," katanya.

**6,500 graduan pendidikan universiti awam terima keputusan penempatan**

**'CIKGU' TIADA TEMPAT**

- > 6,500 graduan pendidikan universiti awam belum ditempatkan sebagai guru.
- > Ada antara mereka sudah lima tahun menamatkan pengajian.
- > 3,392 graduan masih menunggu keputusan temu duga penempatan dihadiri pada April lalu.
- > Mengikut amalan sebelum ini, keputusan diumumkan empat minggu selepas temu duga.



**MOHD. AZRINAYAH ABD. AZIZ**  
Wakil Gerakan Gerakan Pendidikan Universiti Awam

Hanya 20 peratus calon ditemu duga pada Oktober 2017 diserap sebagai guru, terdapat kira-kira 2,600 graduan baharu menamatkan pengajian tahun ini, menjadikan jumlah graduan beraang untuk diserap sebagai guru semakin ramai.

UTUSAN MALAYSIA, 25 JULAI 2018

**DALAM NEGERI**

**Graduan pendidikan universiti awam belum terima penempatan 6,500 guru menganggur**

**Oleh KU SYAFIQ KU FOZI**  
pengarang@utusan.com.my

**■ KUALA LUMPUR 23 JULAI**

KIRA-KIRA 6,500 graduan pendidikan dari universiti awam seluruh seluruh Malaysia masih belum menerima penempatan sebagai guru lantaran dasar pasaran terbuka yang diamalkan Kementerian Pendidikan sejak beberapa tahun dahulu.

Wakil Gerakan Graduan Pendidikan Universiti Awam (GG-PUA), Mohd. Azrinayah Abd. Aziz berkata, melalui kutipan data yang dilakukan pihaknya sejak Jun lalu, sejumlah 6,516 graduan pendidikan memberi respons dan mendakwa masih belum ditempatkan sebagai guru walaupun ada antara mereka sudah lima tahun menamatkan pelajaran.

"Jumlah ini semakin meningkat saban tahun kerana pengambilan pelajar (jazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) yang berterusan di samping terdapat 11 universiti yang turut menawarkan kursus pendidikan.

"Lebih parah lagi, ketika hanya kira-kira 20 peratus calon temu duga pada Oktober 2017 diserap sebagai guru, terdapat kira-kira 2,600 graduan baharu menamatkan pengajian tahun ini, menjadikan jumlah graduan yang bersaing untuk diserap masuk sebagai guru semakin ramai," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Semalam, Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik memberitahu masalah kekurangan guru di bandar besar semakin serius terutamanya melibatkan negeri Johor dan Selangor.

Maszlee turut berkata, beberapa inisiatif seperti menaikkan claim kos sara hidup dan meramalkan lagi anak tempatan menjadi guru sedang dalam peringkat kajian oleh Kementerian Pendidikan.

BERITA HARIAN, 28 JULAI 2018

**Tindakan beku pengambilan guru tak wajar, jejas sektor pendidikan**

**Keputusan kerajaan membekukan pengambilan penjawat awam baharu selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 turut menjejaskan 3,600 calon guru yang sudah ditemuduga Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP).**

Mereka bukan sahaja tidak mengetahui status sama ada lulus atau sebaliknya, tetapi juga tidak tahu sehingga bila pembekuan berkenaan akan berakhir.

Menyatakan nasib mereka dengan alasan kerennya itu dalam 'kajang' budaiyah penyelesaian yang baik kerana pertukaran pemerintahan tidak sepatutnya turut mengganggu proses belajar mengajar penjawat awam lama dan baharu.

Dalam erti kata lain, proses penempatan penjawat awam baharu mengantikan mereka yang telah beres atau meringkas, dipecat, bersara atau meninggal dunia baru diturunkan seperti biasa.

Sehubungan itu, kerajaan mesti menarik balik pembekuan penempatan penjawat awam baharu, sekali gus membenarkan SPP memproses penempatan guru baharu seperti penempatan di bawah kerajaan terdahulu.

**Abdullah Mubibuddin,**  
Ketua Khabala, Sabah



**Keurangan guru di bandar utama perlu diteliti segera.**



## Program Jalinan Kasih Pendidikan Khas

### mengeratkan silaturahmi

Sambutan Christina Gula Berjaya

**PELAKSANAAN** Program Jalinan Kasih Pendidikan Khas peringkat Daerah Bau di Sekolah Kebangsaan (SK) Grogo, baru-baru ini menggiatkan silaturahmi dan memperkukuhkan perhubungan antara guru-guru yang berkecuali.

Kerjasama padu antara Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Cawangan Sarawak, sekolah dan Pusat Pendidikan Dalam Komuniti (PDK) pula telah memastikan kejayaan program, dimuktamadkan kata Pengerang Penerimaan Unit Pengurusan Sekolah yangrangkap Pegawai Meja Pendidikan



bertuah.

"Tahapiah dan syabas kepada pihak pengurusan Program Pendidikan Khas SK Grogo dengan kerjasama Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Cawangan Sarawak."



**RASMI** Berhenti menyampaikan ucapan perasmian Program Pendidikan Khas Bersekolah dan Komuniti.



### UTUSAN BORNEO, 9 OGOS 2018

komuniti luar yang terlibat," kata Boreh.

Program Jalinan Kasih Pendidikan Khas peringkat Daerah Bau melibatkan SK Grogo, SK Temawang, SK Bau dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bas serta PDK Bau, PDK Singai, PDK Sentawan, PDK Seranot dan PDK Deyoh.

Bagi Guru Besar SK Grogo Bas, Lusi Lottey pula, beliau bangga kerana pengagujur mampu mendepani pelbagai cabaran dan kekurangan dalam menjalankan program sehingga berjaya.

Pelbagai aktiviti dijayakan pengagujur seperti sulamka, mencari harta karun, semarobik dan cabutan tiket.



**KERJASAMA:** Program Jalinan Kasih Pendidikan Khas peringkat Daerah Bau diajarkan bersama Kelab Rekreasi SPP Cawangan Sarawak.

**TEKUN:** Para peserta menyertai acara mencari harta karun yang dinamakan Musang Berjanggut.



**TERIMA KASIH:** Kelab Rekreasi SPP Cawangan Sarawak menerima sijil penghargaan dan plak.



**SUKANeka:** Gelang emas, salah satu cara yang mengirakan Program Jalinan Kasih Pendidikan Khas peringkat Daerah Bau.



**KREATIVITI:** Para peserta memperagakan pelbagai bentuk pakaian yang dirka daripada surat khabar.

UTUSAN MALAYSIA, 27 SEPTEMBER 2018

**KUALA LUMPUR 26 Sept.** - Graduan ijazah sarjana muda pendidikan awal kanak-kanak kini berdepan 'dilema' berikutan tiada sebarang temuduga daripada Kementerian Pendidikan sejak enam tahun lalu.

Keadaan itu menyebabkan 550 graduan berkenaan termasuk 550 orang lagi yang masih melanjutkan pengajian mengalami masalah mencari pekerjaan selaras dengan kelulusan mereka.

Wakil Gerakan Graduan Pendidikan Universiti Awam (GGPUA), Wan Sumaiyah Wan Shukri mendakwa perkara itu berlaku berikutan wujud ketetapan kekosongan guru pendidikan awal kanak-kanak di sekolah rendah hanya boleh diisi oleh graduan Institut Pendidikan Guru (IPG).

Sementara itu, jelas beliau, di sekolah menengah dan kolej vokasional pula terdapat kecenderungan kekosongan diberikan kepada pemegang ijazah sarjana muda ekonomi rumah tangga.

Menambah beban graduan terbit, Wan Sumaiyah mendakwa, sebahagian besar pengusaha sektor pendidikan

**Ekklusif**

awal kanak-kanak kini lebih senang mengambil pelajaran SPM dan diploma bekerja walaupun di luar bidang pengetahuan dengan alasan gaji mereka lebih murah.

"Berdasarkan data yang kami kumpul dari 2012 hingga Jun 2018, seramai 550 graduan ijazah sarjana muda pendidikan awal kanak-kanak telah menamatkan pengajian dan tidak pernah dipanggil untuk menjalani sebarang temuduga oleh kementerian.



WAN SUMAIYAH

"Seramai 350 graduan berkenaan menamatkan pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) manakala 200 lagi dari Universiti Malaya (UM). Setiap tahun antara 80 hingga 100 orang pelajar baharu akan mengikuti jurusan berkenaan di dua universiti terbit," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini, hari ini.

Wan Sumaiyah berkata, ramai dalam kalangan graduan

**INFO**

- ▶ Tiada temuduga sejak 2012 hingga Jun 2018
- ▶ Libatkan 550 graduan
- ▶ 550 lagi graduan keluar dalam tempoh empat tahun
- ▶ Ada yang masih menganggur
- ▶ Nisbah 2:100 diterima bekerja di Permatang Negara

terbit meluahkan rasa kecewa serta tidak menyangka boleh menjadi sebegitu selepas empat tahun berhempas-pulas menamatkan pengajian.

Dalam pada itu, beliau melihat pengumuman Tiamban Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail mahu mewujudkan taman asuhan kanak-kanak (taska) di setiap kementerian memberi sinar harapan kepada graduan pendidikan awal kanak-kanak ditempatkan di sana.

"Kami sedang sediakan kertas kerja berhubung usaha ini dan kami berharap dapat bertemu Tiamban Perdana Menteri bagi memberi penerangan lanjut sekali-gus memperjuangkan nasib rakan-rakan ini," katanya.

UTUSAN MALAYSIA, 28 SEPTEMBER 2018

Graduan prasekolah terpaksa 'buat apa sahaja kerja'  
**Kelulusan ijazah, gaji SPM**

Oleh **KU SYAFIQ KU FOZI**  
pengarang@utusan.com.my

**GRADUAN** Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) yang tidak pernah mendapat panggilan temuduga sejak enam tahun lalu terpaksa mencuba apa sahaja pekerjaan demi menampung hidup.



MOHD. AMZAR



RAZMAN ISMAIL



GRADUAN ISMP PAKK harus diberi peluang menjadi pengajar supaya ilmu yang dipelajari boleh dicurahkan kepada murid prasekolah. - GAMBAR HIASAN

Walaupun mempunyai kelulusan tabung ijazah sarjana muda dan terpaksa menanggung beban hutang Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), dia tidak pernah dipanggil untuk temuduga Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP), menyebabkan mereka terpaksa mengah dan memohon pekerjaan menggunakan kelulusan SPP, menyebabkan mereka terpaksa mengah dan memohon pekerjaan menggunakan kelulusan SPP, menyebabkan mereka terpaksa mengah dan memohon pekerjaan menggunakan kelulusan SPP.

Namun realitinya, sejak memamatkan pengajian pada Februari 2018, dia tidak pernah dipanggil untuk temuduga Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP), menyebabkan mereka terpaksa mengah dan memohon pekerjaan menggunakan kelulusan SPP, menyebabkan mereka terpaksa mengah dan memohon pekerjaan menggunakan kelulusan SPP.

Seorang lagi graduan, Razman Ismail, 29, pula berjaya menjadi guru di sebuah taman didikan kanak-kanak (taska) "Saya hanya kerjakan bila mahu, namun ditawarkan gaji seperti pelajar ISMP lain, tapi kenapa kelayakan kami seolah-olah tidak diiktiraf?"

Seorang graduan, Mohd. Amzar, 25, mendakwa, permohonan kerjanya sering ditolak kerana majikan khawir dia akan meninggalkan pekerjaan apabila mendapat panggilan sebagai guru PAKK.

"Saya tidak mahu terus hidup dengan hutang PTPTN. Kalau boleh, kami nak juga bayar PTPTN hasil wang daripada pekerjaan dalam bidang yang kami belajar. Kami pinjam pun kerana mahu bergelar 'pendidik'," ujarnya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini, hari ini.

"Saya tidak boleh minta gaji tinggi, jadi terpaksa terima walaupun gaji rendah. Saya perlu berjaya demi kelangsungan hidup. Untuk tambah pendapatan, saya mengajar tuisyen secara separuh masa pada hujung minggu," katanya.

KOSMO, 18 OKTOBER 2018

**Majlis Raja-Raja diberi taklimat**

**KUALA LUMPUR** - Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-250 semalam dipersembahkan dengan taklimat terkini mengenai pertahanan dan keselamatan negara, masing-masing oleh Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamed Fuzi Harun.

Penyimpan Mahor Besar Raja-Raja Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad dalam satu kenyataan berkata, mesyuarat itu turut menyentuh mengenai pelantikan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Azhar Azizan serta Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP), Tan Sri Halli Dollan dan anggota suruhanjaya

berkenaan. Pelantikan Hakim Mahkamah Khas dan Hakim-hakim Mahkamah Atasan serta perkara berkaitan agama Islam turut dibincangkan dalam mesyuarat yang diadakan di Istana Negara di sini, katanya.

"Majlis Raja-Raja juga dalam mesyuarat pramajlis kelmarin telah disembah maklum oleh Tiamban Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengenai cadangan kerajaan untuk menaikkan had umur minimum perkahwinan dalam perundangan yang berkaitan di Malaysia," katanya.



TUANUKU SYED SIRAJUDDIN (kiri) berkenan berucap dengan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-250 di Istana Negara, Kuala Lumpur semalam.

ke-250 itu dipengerusikan oleh Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jannahilail.

Berikutan berangkat ke mesyuarat itu ialah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah; Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin dan Yang Dipertuan

Besar, Negeri Sembilan, Tunku Muhriz, Tunku Muzawir, Turut berkenan hadir ialah Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah; Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar Sultan Ibrahim dan Raja Muda Kedah, Tengku Sarafudin Badlishah Sultan Sallehuddin.


Kelantan pula diwakili Pemangku Raja Kelantan, Tengku Dr. Muhammad Faiz Petra. Turut hadir Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas; Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Mohd. Khalil Yaakob; Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahidin dan Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Abdul Taib Mahmud. - Bernama

BERITA HARIAN, 18 OKTOBER 2018

Khamis, 18 Oktober 2018 BH

## → MUKA DUA

[FOTO BERNAMA]

**Majlis Raja-Raja  
dipersembah  
taklimat pertahanan**

**Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-250, semalam, antara lain dipersembahkan** dengan taklimat terkini mengenai pertahanan dan keselamatan negara. Taklimat disampaikan oleh Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun. Penyimpan Mohor Besar Raja-raja, Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad, dalam satu kenyataan berkata, mesyuarat itu turut menyentuh mengenai beberapa pelantikan, termasuk pelantikan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya serta Pengerusi dan

Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP). Katanya, pelantikan Hakim Mahkamah Khas dan Hakim Mahkamah Atasan serta perkara berkaitan agama Islam turut dibincangkan pada mesyuarat itu yang diadakan di Istana Negara. Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-250 itu dipengerusikan oleh Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail. Mesyuarat yang berlangsung sehari itu dihadiri semua Raja Melayu kecuali Pahang, Johor dan Kedah.

BERNAMA

**UTUSAN MALAYSIA, 28 NOVEMBER 2018**

**UTUSAN ONLINE**

Berita Rencana Hiburan Bisnes Sukan Mega TV Utusan - Lagi...

Berita Nasional Teknik Utama Kira Padat Pelajar Wilayah Luar Negara Jenayah Mahkamah Nilaian & Bencana

**KPM nafi iklan jawatan Pembantu Guru**

**GURU-GURU.** - UTUSAN ONLINE/GAMBAR HIASAN  
**Juani Munir Abu Bakar**  
 28 November 2018 9:45 AM  
**PUTRAJAYA 28 Nov.-** Kementerian Pendidikan menafikan bahawa pihaknya pernah mengeluarkan sebarang iklan pengambilan jawatan Pembantu Guru seperti tular di media sosial.

Kementerian dalam satu kenyataan menjelaskan, jawatan itu masih belum diwujudkan lagi.

"Sebarang pengambilan bagi pengisian jawatan Pembantu, jika hendak dilaksanakan pun kelak, ia hanya akan diuruskan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) sebagai pihak berkuasa melantik," kata kenyataan itu di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE

**KOSMO, 29 NOVEMBER 2018**

**KPM nafi iklan jawatan pembantu guru**

**PUTRAJAYA** - Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menafikan mengeluarkan sebarang iklan tawaran pengambilan pembantu guru di seluruh negara seperti yang tular di media sosial. KPM dalam kenyataannya semalam menjelaskan bahawa jawatan pembantu guru belum diwujudkan. "Sebarang pengambilan bagi pengisian jawatan pembantu guru, jika hendak dilaksanakan kelak hanya akan diuruskan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan sebagai pihak berkuasa melantik," kata KPM.

**BERITA HARIAN, 18 OKTOBER 2018**

**Anak tempatan diutamakan mengajar di Sarawak**

**KUALA LUMPUR** - Guru baharu yang lahir dan beralamat di Sarawak akan diberi keutamaan untuk ditempatkan mengajar di negeri itu.

Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik berkata, penempatan itu adalah mengikut pelaksanaan Dasar 90:10 iaitu dasar 90 peratus guru tempatan dan 10 peratus guru luar.

"Bagaimanapun, Kementerian Pendidikan melaksanakan penempatan guru baharu berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen setelah menerima bekalan guru baharu yang dipera-kui lantikan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan," katanya ketika menggulung usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-11 semalam.

Menurutnya, bagi menjaga kebajikan guru yang berkhidmat di kawasan pedalaman, kerajaan memperuntukkan Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan pada kadar RM500 hingga RMI,500 mengikut kategori kawasan pedalaman yang diiktiraf Jabatan Pendidikan Negeri.

"Untuk sekolah bagi kategori pedalaman satu, guru akan menerima elaun RM500, pedalaman dua sebanyak RMI,000 manakala kategori pedalaman tiga akan menerima RMI,500," ujarnya. - Bernama



# *Pengiktirafan*

PLATINUM CERTIFICATION



**PLATINUM SHAUFFMANTZ VERITAS**

# Certification

*Awarded to*

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN**  
 Aras 1-4, Blok 83,  
 Kompleks Jabatan Perdana Menteri,  
 62526 Putrajaya, Malaysia

*Platinum Shauffmantz Veritas certify that the above organization  
 has been audited against the requirements of:*

**MS ISO 9001:2015**  
**"Quality Management System"**

*And is registered for the following scope of activities:*

**Pengurusan Permohonan, Pengambilan dan Pelantikan Guru dan  
 Bukan Guru Serta Pengurusan Pengendalian Tindakan Tatatertib**

**Reg. No. : MAS 101233**

Certificate Date	: 30 <sup>th</sup> JANUARY 2018
Expiry Date	: 29 <sup>th</sup> JANUARY 2021
Initial Assessment	: 17 <sup>th</sup> JANUARY 2018
2 <sup>nd</sup> Year Audit	: 30 <sup>th</sup> DECEMBER 2018
3 <sup>rd</sup> Year Audit	: 30 <sup>th</sup> DECEMBER 2019
Certification No	: DSM 000293



**DATUK A. AZIZ B. MAT**  
 Certification Director





\*This is an accredited certificate authorized for issue by Department Standards Malaysia who have assessed Platinum Shauffmantz Veritas against defined criteria and in recognition of ISO 15211:2013 "Conformity Assessment - Requirements for bodies providing audit and certification of management systems" - Annex D: Conformity Assessment and Conformity Assessment Body operating terms address within section 2.1 on 2.4 of ISO 17000:2004 "Conformity Assessment - Vocabulary and General Principles".

**SCOPE: 35 (82.11)**

000639

www.shauffmantz.com

Suliv 40, 7th Floor, Block 1, Jalan Troika 13/06, Worldwide Business Park, Section 13, 40870 Shah Alam Sarawang Capital Block, Malaysia  
 Tel : +603-81297719 Fax : +603-81297792 Email : enquiry@shauffmantz.com

Reliable And Practical

Sijil Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015



## SIJIL






SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN MALYSIA**  
**ARAS 1-4, BLOK B3, KOMPLEKS JPM**  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
**62526 PUTRAJAYA**  
**WILAYAH PERSEKUTUAN**  
**MALYSIA**

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang menepati

**ISO/IEC 27001:2013**  
 Information Technology – Security Techniques – Information Security Management Systems – Requirements

Skop Pensijilan

**SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT BAGI PROSES PERAKUAN**  
**URUSAN PERKHIDMATAN ANGGOTA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (APP)**  
**MENGGUNAKAN SISTEM eSPP DI IBU PEJABAT SURUHANJAYA**  
**PERKHIDMATAN PELAJARAN.**

**INI ADALAH MENEPATI PENYATAAN PEMAKAIAAN: VERSI 2.0, 03 OKTOBER 2018**

Tarikh dikeluarkan	: 15 November 2018
Tempoh sah	: 15 November 2018 - 14 November 2021
No. Pensijilan	: ISMS 00324



**Mohd Azanuddin Salleh**  
 Pengarah Urusan  
 SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.  
 1, Persiaran Dato Menteri  
 Seksyen 2, Peta Suria 7030  
 40100 Shah Alam  
 Selangor Darul Ehsan  
 MALAYSIA

Tel: 60-3-5544 6424  
 Faks: 60-3-5544 6787  
 http://www.sirimqas.com.my

Penggunaan sijil ini terhad kepada perkhidmatan dan syarat-syarat seperti tertera dalam Peraturan Pensijilan.



THE INTERNATIONAL CERTIFICATION NETWORK

## CERTIFICATE

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. has issued an IQNet recognized certificate that the organization:

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN MALYSIA**  
 ARAS 1-4, BLOK B3, KOMPLEKS JPM  
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
 62526 PUTRAJAYA  
 WILAYAH PERSEKUTUAN  
 MALYSIA

has implemented and maintains a

**INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM**

for the following scope:

**INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM FOR VERIFICATION PROCESS OF**  
**EDUCATION MEMBERS USING ESPP SYSTEMS AT IBU PEJABAT SURUHANJAYA**  
**PERKHIDMATAN PELAJARAN.**

**THIS IS IN ACCORDANCE TO STATEMENT OF APPLICABILITY:**  
**VERSION NO. 2.0, 03 OCTOBER 2018**

which fulfils the requirements of the following standard:

**ISO/IEC 27001:2013**

Issued on	: 15 November 2018
First issued on	: 15 November 2018
Expires on	: 14 November 2021

This attestation is directly linked to the IQNet Partner's original certificate and shall not be used as a stand-alone document.

**Registration Number : MY - ISMS 00324**



*Alex Stoichitelu*  
 President of IQNet



**Mohd Azanuddin Salleh**  
 Managing Director  
 SIRIM QAS International Sdn Bhd



IQNet Partners:  
 AENOR Spain AFNOR Certification France APCER Portugal CCC Cymru CSQ Italy  
 CQC China CQM China CQS Czech Republic Csc Cert Croatia DQS Holding GmbH Germany FCV Brazil  
 FONDKORUBA Venezuela ECOTEC Colombia Inspeco Switzerland Gp Finland IATF19000 Costa Rica  
 IRAM Argentina JQA Japan KPC Korea MBRTAC Greece MASET Hungary Nemko AB Norway NEN Ireland  
 NTAER-NOR Mexico PCBC Poland Quality Assista Assista SP Russia BSI United Kingdom  
 SIRIM QAS International Malaysia SQS Switzerland SRIAC Romania TEST IN Rosenburg Russia TSE Turkey YUQS Serbia  
 IQNet is represented in the USA by: AFNOR Certification, CSQ, DQS Holding GmbH and NSAI Inc.



Sijil Pengiktirafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)  
Kepada Urus Setia SPP Sarawak



*Sekalung*  
PENGHARGAAN

SPP merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli SPP yang telah tamat kontrak dan Urus Setia SPP yang telah bersara atau bertukar ke agensi yang lain dalam tahun 2018 atas sumbangan mereka sepanjang bertugas di SPP.

#### AHLI SPP – TAMAT KONTRAK

1.	YBhg. Tan Sri Dr Haili bin Dolhan	25.11.2018
----	-----------------------------------	------------

#### URUS SETIA SPP - BERSARA

1.	Encik Mohamed bin Sulaiman	02.01.2018	4.	Encik Mazral bin Abd Manaf	25.05.2018
2.	Encik Chin Wen Peng	17.02.2018	5.	Encik Hamdan bin Mohd Satar	03.09.2018
3.	Puan Siti Zaleha binti Ismail	01.04.2018	6.	Puan Wan Hamidah binti Wan Yusof	18.05.2018

#### URUS SETIA SPP – BERTUKAR KELUAR

1.	Encik Aizat bin Saufi	12.03.2018	12.	Encik Saiful Bakhtiar bin Che Abd Hakim	28.06.2018
2.	Puan Noor Emma Hizan binti Hijas	07.03.2018	13.	Puan Nurul Huda binti Khairuddin	11.07.2018
3.	Puan Norhayati binti Abd Hamid	25.03.2018	14.	Puan Maizan binti Saad	16.07.2018
4.	Puan Nooraziela binti Kamal	02.04.2018	15.	Puan Rohani binti Iberahim	01.08.2018
5.	Puan Amisah binti Fitri	02.04.2018	16.	Puan Seri Rahayu binti Mohamad Tajri	06.08.2018
6.	Encik Shuhardi Turaz Radzik bin Aznan	10.04.2018	17.	Puan Sharifah Sukainah binti Syed Ahmad	20.08.2018
7.	Puan Rosalina binti Mohamad Rusli	14.05.2018	18.	Puan Zuliana binti Mohd Akob	25.09.2018
8.	Puan Nor Hazlinda binti Mohd Noor	22.05.2018	19.	Puan Roslizon binti Ghazali	22.10.2018
9.	Puan Mariyam binti Ishak	23.05.2018	20.	Puan Siti Nor Baizura binti Mohd Ridzuan	05.11.2018
10.	Puan Hazlin Mazni binti Isa	04.06.2018	21.	Puan Marziawati binti Ahamed Termizi	07.11.2018
11.	Puan Raishida binti Othman	04.06.2018	22.	Encik Jaslee bin Peri	03.12.2018



# *Glosari*

AKP	–	Anggota Kumpulan Pelaksana
APP	–	Anggota Perkhidmatan Pendidikan
IPGM	–	Institut Pendidikan Guru Malaysia
UA	–	Universiti Awam
ISMP	–	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
KPM	–	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	–	Kementerian Pendidikan Tinggi
KPPM	–	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
KWSP	–	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
PBM	–	Pihak Berkuasa Melantik
PDP	–	Pengesahan Dalam Perkhidmatan
PISMP	–	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PKP	–	Pegawai Khidmat Pelanggan
PM	–	Pembantu Makmal
PO	–	Pembantu Operasi
PPM	–	Pembantu Pengurusan Murid
PPP	–	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PPPT	–	Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
PSTT	–	Pakej Setuju Terima Tawaran
PT (Kew)	–	Pembantu Tadbir (Kewangan)
PT (P/O)	–	Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi)
PTB	–	Pemberian Taraf Berpencen
PTP	–	Pelanjutan Tempoh Percubaan
SABK	–	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SLTP	–	Skim Latihan Tenaga Pengajar
SPP	–	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
TFM	–	<i>Teach For Malaysia</i>



*Lagu*  
SPP

# Lagu SPP

*Tekad, tegas dan adil  
Efisien dan amanah  
Mengambil kira semua  
Hasrat pelanggan*

*Tanpa mengira bangsa  
Tanpa mengira masa  
Kami tetap berkhidmat*

*Dalam mencapai wawasan  
Kami pentingkan kualiti  
Dalam transformasi dan misi bestari  
Yang terbaik jadi pilihan*

*Bersama modal insan cemerlang  
Hasrat negara didahulukan  
Berlandaskan kod etika  
Dengan hati yang suci*

*SPP dinamik, efektif dan berintegriti  
SPP peneraju modal insan  
Sektor pendidikan*



**SPP**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

**IBU PEJABAT**

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia  
Aras 1-4, Blok B3, Kompleks JPM  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62526 Putrajaya



Tel : 03 - 8000 8000 (Pusat Panggilan 1 Malaysia)



Faks : 03 - 8871 7499



Emel : [webmaster@spp.gov.my](mailto:webmaster@spp.gov.my)

**CAWANGAN****CAWANGAN SABAH**

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia  
Urus Setia Cawangan Sabah  
Aras 1, Blok A  
Kompleks Kerajaan Persekutuan Sabah  
Peti Surat 11359, Jalan UMS-Likas  
88450 Kota Kinabalu, Sabah



Tel : 088 - 488 521 / 522 / 523 / 524

Faks : 088 - 487 257

**CAWANGAN SARAWAK**

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia  
Urus Setia Cawangan Sarawak  
Aras 3 & 4, Bangunan Lee Onn  
Lot 1546, Blok 17, KCLD  
Jalan Lapangan Terbang  
93250 Kuching, Sarawak



Tel : 082 - 537 000

Faks : 082 - 537 027